# Denggi, terus waspada

MS 5

# RTB Sungai Pinang: Segera laksana!

MS 9



PERCUMA

buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com




16 – 30 SEPTEMBER, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# IKEA buka 2019 tarikan baharu ke Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**




KETUA Menteri, Christian Rojkjaer (lapan dari kiri), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil IKEA menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek IKEA di sini 12 September lalu.

**BUKIT TAMBUN** – Pembukaan gedung kelengkapan rumah terkenal IKEA di Taman Perindustrian Batu Kawan pada tahun 2019 nanti diharap akan menjadi satu lagi tarikan pengunjung ke Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembukaan IKEA adalah sebahagian daripada perancangan strategik dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar yang mampan untuk kediaman, belajar dan bekerja.

"Gedung ini bukan sahaja akan menarik jutaan pengguna, khususnya dari negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia, malah akan membuka ribuan pekerjaan, perniagaan untuk pembekal, menarik minat pelancong dan juga pelabur baru," ucapnya dalam Majlis Pecah Tanah Projek IKEA di sini 12 September lalu.

Bercakap pada majlis sama, Pengarah Urusan IKEA Asia Tenggara, Christian Rojkjaer memberitahu, gedung baharu di atas tapak berkeluasan 433,000 kaki persegi atau 39,979 meter persegi, menawarkan lebih 50 set contoh kelengkapan rumah terbaik ala Sweden.

"Adakalanya, pengguna dari Pulau Pinang memandu sejauh 350 kilometer (km) untuk membeli-belah di IKEA dekat Kuala Lumpur.

"Gedung di Batu Kawan ini akan memudahkan mereka untuk menikmati pengalaman membeli-belah yang lebih dekat," jelasnya.

Difahamkan, gedung di Batu Kawan adalah yang keempat di tanah air ini, selain dua di Lembah Klang dan satu lagi di Johor Bahru.

# Tarikh pembentukan Malaysia perlu dikenang, dihargai semua rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru semua penduduk Malaysia di negeri ini supaya mengenang pengorbanan rakyat Sabah dan Sarawak, sempena sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2017 baru-baru ini.

"Tarikh pembentukan Malaysia pada (16 September 1963) perlu lebih dihayati, dikenang dan dihargai bukan sahaja oleh rakyat Sabah dan Sarawak, malah juga rakyat Malaysia.

"Kerana, tanpa Sabah dan Sarawak, Malaysia tidak wujud langsung," katanya pada majlis sambutan berkenaan 16 September lalu.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff merupakan tetamu utama pada majlis keraian dan jamuan tengah hari tersebut.

Hadir sama, semua barisan Exco Kerajaan Negeri, barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Parlimen, kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Daerah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan perwakilan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat korporat lain.

Selain itu, Guan Eng turut menyeru rakyat supaya tidak melupakan pengorbanan pejuang terdahulu menentang penjajah, sehingga tanah air Persekutuan Tanah Melayu mengecapi Kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957.



**DR. Abdul Rahman Abbas (tujuh dari kiri), Law Choo Kiang (enam dari kiri) dan Ketua Menteri bergambar bersama-sama para pemenang perbarisan sambutan Hari Kebangsaan Ke-60 Peringkat Negeri Pulau Pinang sebelum ini.**

"Rakyat daripada semua suku kaum dan agama harus hidup dalam keharmonian serta kesejahteraan, dalam suasana muhibah," serunya yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Pada majlis tersebut, turut diumumkan pemenang pasukan perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-60 Peringkat Negeri Pulau Pinang sebelum ini.

Perbandanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) menjuarai Kategori Swasta dan Badan NGO, manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Kategori Agensi Kerajaan.




Oleh : **ME**

## Hayati erti sebenar kemasukan Sabah, Sarawak dalam Persekutuan Tanah Melayu

**BUKIT TAMBUN –** Lebih 12,000 sertai acara berjalan "Anak-Anak Malaysia Penang 2017" dari perkarangan Eco Horizon di sini sempena sambutan Hari Malaysia baru-baru ini.

Sebelum acara pelepasan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur #AnakAnakMalaysia & Eco World Foundation, Tan Sri Lee Lam Thye mengajak seluruh rakyat majmuk supaya menghayati erti sebenar sambutan berkenaan, setelah kemasukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Tanah Melayu bagi membentuk Malaysia pada tahun 1963, melalui toleransi.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

"Kita semua dilahirkan di sini (Malaysia), dibesarkan di sini dan kita berasa kita akan dikuburkan di sini.

"Kita semua adalah anak-anak Malaysia," ucapnya pada majlis sambutan berkenaan.

Atas semangat #AnakAnakMalaysia, beliau merayu kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, kepercayaan, latar belakang sosial untuk saling membantu membina harapan dalam agenda menyelamatkan Malaysia daripada pentadbiran kleptokrasi di Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

Difahamkan, Kerajaan Persekutuan mula meraikan Hari Malaysia pada tanggal 16 September setiap tahun sejak 2008, setelah beberapa tahun menerima desakan banyak pihak termasuk pihak pembangkang di tanah air ini.

*Lagi gambar di muka 28*

# Exco Perumahan sambut baik hasrat Pusat bina PPR



JAGDEEP Singh Deo (kanan) dan Jeff Ooi Chuan Aun pada sesi sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyambut baik reaksi terbaru Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar untuk mempertimbang permohonan membina unit kediaman di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri sememangnya mengalukan lawatan mereka (teknikal daripada Kerajaan Persekutuan) ke tapak, dan kita (Kerajaan Negeri) akan mencadangkan semula satu lot baru berkeluasan 14 hektar, di antara Lot 10042 (PT36) dan Lot 10043 (PT37) ini juga dipertimbangkan untuk pembinaan PPR.

"Saya berharap pertimbangan ini bukanlah helah Pilihan Raya (Umum Ke-14), ia adalah komitmen sebenar dan mereka (Kerajaan Pusat) boleh terus bina," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun, yang juga anggota Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC).

Noh dalam balasan surat rasmi kepada Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 8 Ogos lepas, antara lain memaklumkan Kementeriannya akan mempertimbang permohonan membina PPR di Kota Giam dekat Jelutong, memandangkan terdapat isu kekurangan unit kediaman PPR di negeri ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, Kerajaan Pusat dianggarkan mampu membina kira-kira 7,000 unit kediaman PPR di atas ketiga-tiga lot tanah berkeluasan kira-kira 18 hektar dan 44 ekar tersebut.

Dalam perkembangan lain, beliau menyatakan bahawa unit kediaman PPR yang siap dibina di negeri ini sebenarnya berjumlah 698 unit kediaman, bukanlah sejumlah 999 buah sebagaimana disebut oleh Kerajaan Persekutuan.

# Jelas tindakan lanjut projek tambakan laut, gesa Jagdeep

**GEORGE TOWN** – Jagdeep Singh Deo menggesa Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjelaskan langkah penguatkuasaan susulan terhadap pelaksana projek penambakan laut di Kedah.

Katanya, Jawapan Lisan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar di Dewan Rakyat baru-baru ini jelas mendedahkan JAS sedang menyiapkan kertas siasatan bagi syor tindakan mahkamah di bawah Seksyen 34A(6) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap pihak berkaitan kerana telah menjalankan kerja-kerja tanah tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

"Apakah tindakan penguatkuasaan yang akan diambil, walaupun dalam Jawapan Lisan di sini kita tahu JAS sedang melengkapkan kertas siasatan," soalnya yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Jagdeep dalam pada itu turut menunjukkan salinan Jawapan Lisan berwajib Menteri berkaitan kepada Ahli Parlimen Bagan, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang.

Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun turut sertai sidang media tersebut.

Berdasarkan Jawapan Lisan Menteri, didedah, projek penambakan laut seluas 122.90 ekar tanah itu adalah bagi tujuan pembangunan bercampur.

Sumber sama turut menjelaskan pelaksana projek itu baru mengemukakan permohonan kelulusan EIA pada 15 Jun lalu, selepas JAS mengeluarkan Perintah Berhenti Kerja pada 15 Mei lepas.

Mengulas lanjut, Jagdeep menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang yang berhasrat merealisasikan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) di negeri ini tidak akan memulakan kerja-kerja penambakan, selagi mana tidak mendapat kelulusan EIA dan permohonan-permohonan berwajib lain daripada jabatan persekutuan terlebih dahulu.




ABDUL Malik Abul Kassim (tengah), Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) dan Dr. Afif Bahardin pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Perkemas aspek keselamatan bangunan maahad tahfiz - Exco

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri akan membantu pentadbiran maahad tahfiz Al-Quran di Pulau Pinang, dalam memperkemas aspek keselamatan bangunan masing-masing.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, pihaknya tidak mahu kejadian kebakaran besar Pusat Tahfiz Darul-Quran Ittifaqiyah dekat Datuk Keramat, Kuala Lumpur pada awal pagi 14 September lalu berulang di negeri ini.

"Maahad tahfiz berdaftar berjumlah 47 buah dan kira-kira 20 buah lagi tak berdaftar.

"Kerajaan Negeri akan memantau dengan lebih dekat aspek keselamatan institusi tahfiz bagi membantu dan memperkemas lagi perkembangannya di negeri ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung dalam sidang media di sini 20 September lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon serta Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Abdul Malik memberitahu, langkah MMK Agama Negeri memperkemas mutu keselamatan di institusi tahfiz berkaitan adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) dan Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, 19 September lalu.

Sehingga kini, menurut Abdul Malik, Bahagian Pendidikan bagi Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (JHEIPP) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat telahpun mengadakan taklimat keselamatan, kebakaran dan kesihatan dengan pihak maahad tahfiz di negeri ini.

Tambah beliau, langkah pemantauan berwajib serta tindakan lanjut adalah berdasarkan Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

# Penglibatan komuniti setempat bantu rejuvenasi Lebuh Armenian

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Proses rejuvenasi Lebuh Armenian yang dimulakan sejak tahun 2015 kini mampu melonjakkan kawasan tersebut sebagai sebuah taman komuniti dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Program Bersepadu Lebuh Armenian tersebut adalah termasuk membina gelanggang bola keranjang, Pusat Belia MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) dan menaik taraf lorong belakang.

"Taman Armenian ini merupakan beberapa ruang hijau terhad di kawasan George Town yang berfungsi sebagai taman komuniti untuk masyarakat setempat dan pengunjung berkumpul.

"Selepas George Town diiktiraf sebagai tapak warisan dunia, Kerajaan Negeri telah memulakan proses memperbaharui dan rejuvenasi kawasan ini, bukan sahaja bangunan warisan yang terdapat di sekitar sini, malah juga kawasan lapang.

"Untuk tujuan (rejuvenasi) berkaitan, kita (Kerajaan Negeri) mendapatkan nasihat dan bekerjasama bersama-sama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity), MBPP dan pakar terbaik dunia iaitu Aga Khan Trust for Culture bagi perancangan transformasi menyeluruh kawasan ini," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada Majlis Perasmian Naik Taraf Taman Komuniti dan Lorong Belakang di Lebuh Armenian di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Teh Lai Heng (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Komtar), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Datuk Bandar MBPP), Ar. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya) dan Prof. Datuk Anwar Fazal (Pengerusi ThinkCity).

Mengulas lanjut, Guan Eng yang juga ADUN Air Putih memberitahu, reka bentuk taman tersebut dihasilkan berdasarkan pendapat komuniti dan kajian yang dijalankan.

"Reka bentuk minimalis ini sengaja diterapkan untuk memelihara elemen warisan dalam bandar, dan pada masa sama melindungi kawasan kejiranan di sini.

"Malah, kita (Pulau Pinang) mampu berbangga apabila projek ini telah menerima Anugerah Merit oleh Institut Perancang Malaysia," ujarnya.

Dalam pada itu, Maimunah berkata, projek tersebut adalah selaras dengan perancangan rangkaian hijau dalam kawasan bandar sebagaimana panduan dimasukkan di dalam Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

"Selaras dengan usaha untuk mengekalkan status sebagai tapak warisan dunia dan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat, MBPP dengan kerjasama George Town Conservation Development Corporation (GTCDC), ThinkCity dan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) akan terus mempertingkatkan kawasan Lebuh Armenian dan Lebuh Acheh melalui projek seterusnya.

"Antaranya, projek membaik pulih bangunan No. 126 dan 128 Lebuh Armenian, iaitu rumah agam Syed Al-Attas yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2018," jelas beliau.



**KETUA Menteri, Chow Kon Yeow, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri serta wakil-wakil terlibat ketika mengadakan lawatan ke kawasan lorong belakang berhampiran Lebuh Armenian yang siap dinaik taraf baru-baru ini.**



**LORONG belakang berhampiran Lebuh Armenian yang telah dinaik taraf.**

## SJKC Kampung Sungai Lembu: KM kesal lawatan kerja, sumbangan bantuan dipolitikkan

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa kecewa apabila lawatan kerjanya bagi menyampaikan bantuan sumbangan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kampung Sungai Lembu dipolitikkan pihak tertentu baru-baru ini.

Menurut beliau, perkara tersebut berlaku apabila beliau tidak dibenarkan memasuki kawasan sekolah terbabit meskipun menerima jemputan daripada Pengerusi Lembaga Pengarah SJKC Kampung Sungai Lembu.

"Program lawatan ini telah diatur lebih awal dan ia telah dipersetujui oleh pihak lembaga pengarah sekolah berkaitan, tetapi pada saat-saat akhir lawatan ini dihalang, sungguhpun pada mulanya tidak ada masalah.

"Kita difahamkan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan pengelola Sekolah-sekolah Cina bahawa kena bagi surat.. dan kita bagi (hantar) surat.

"Tapi, surat balas yang diterima menyatakan bahawa JPNPP telah menolak permohonan kerana ia perlu mendapat kelulusan daripada pihak Menteri. Selepas itu, Timbalan Menteri Pendidikan pula menyatakan bahawa kita tidak dibenarkan masuk," katanya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan pada sidang media di sini 13 September lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Exco-exco Kerajaan Negeri.

Namun, soal Guan Eng, perkara itu dilihat sebaliknya apabila Ketua Umno Bahagian Permatang Pauh, Datuk Mohd. Zaidi Mohd. Said yang bukan seorang wakil rakyat dibenarkan berbuat demikian, ke sekolah-sekolah di sekitar Seberang Perai Tengah (SPT).

"Kenapa dia yang bukan merupakan Ketua Menteri atau wakil rakyat boleh masuk, tetapi saya selaku Ketua Menteri tidak diberikan kebenaran?

"Kita hanya ingin masuk dan berikan bantuan... kalau boleh harap semua pihak pun boleh berikan bantuan termasuklah Kerajaan Persekutuan.

"Kerajaan Persekutuan harus mengambil tanggungjawab mereka sebagai kerajaan yang bertanggungjawab ke atas sekolah untuk berikan bantuan," ujarnya.

# Bebas *hotspot* denggi, KM seru rakyat terus waspada, tingkat pembersihan



KETUA Menteri sambil ditemani Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali) menyampaikan sumbangan kepada Suhaimi Mat Saud pada lawatan di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**BAYAN LEPAS -** Pulau Pinang kini bebas daripada lokaliti kawasan panas *(hotspot)* denggi berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sehingga 16 September 2017.

Perkara tersebut dimaklumkan Pegawai Kesihatan Daerah Barat Daya, Dr. Mohd. Iqbal Hamzah di sini baru-baru ini.

Menurut Iqbal, pada ketika ini, hanya terdapat 14 lokaliti wabak terkawal dilaporkan di seluruh Pulau Pinang, iaitu masing-masing bagi Daerah Timur Laut (DTL) sebanyak 8 kes, Daerah Barat Daya (DBD, 5) dan Seberang Perai Utara (SPU, 1).

"Setakat hari ini (17 September), negeri Pulau Pinang mencatatkan 13 kematian.

"Lokaliti *hotspot* ditakrifkan apabila dalam jangka masa 30 hari (sebulan) masih terdapat kes denggi dilaporkan di kawasan yang sama.

"Dari tempoh hari pertama, JKNPP menerima laporan kes denggi di sesuatu kawasan, kita akan membuat pemantauan dan rekod.

"Jika kes kedua (kawasan sama) diterima dalam tempoh 14 hari, ia ditakrifkan sebagai kawasan wabak, kes baharu selepas 14 hari (wabak terkawal) dan selepas 30 hari (kawasan panas)," jelasnya ketika turut serta bersama-sama kepimpinan Kerajaan Negeri menziarahi keluarga mangsa denggi yang meninggal dunia dekat Kampung Seronok di sini.

Mengetuai delegasi lawatan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Mangsa, Muhammad Aiman Najmi Suhaimi, 17, dilaporkan demam panas dan dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang sebelum disahkan meninggal dunia empat hari kemudian pada 13 Ogos lalu.

Pada ziarah tersebut, Guan Eng merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa dan turut menyampaikan sumbangan RM1,000 kepada ayah Allahyarham iaitu Suhaimi Mat Saud, 43.

Mengulas lanjut berhubung laporan terbaru daripada JKNPP, Guan Eng menyambut baik berita tersebut ekoran ia adalah kali pertama negeri bebas daripada *hotspot* denggi.

Namun, menurut beliau, rakyat perlu terus berwaspada dan meningkatkan kerja-kerja pembersihan.

"Walaupun tak ada *hotspot*, tapi ini tidak bermakna kita boleh pandang ringan.

"Denggi adalah pembunuh dalam diam...kita bimbang jika kini negeri telah mencatatkan 13 kes, risau sekiranya rekod kematian akan melebihi jumlah tahun lepas (19 kes).

"Yang lebih penting adalah pencegahan dan cepat-cepat dapatkan rawatan sekiranya demam," seru Guan Eng.

# Shahmeer petah cakap Mandarin muncul Naib Johan kejohanan di China

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyampaikan sumbangan insentif atas kejayaan Muhamad Shahmeer Mohd. Nashrul mendapat tempat kedua dalam *The 16th World Chinese Bridge Chinese Proficiency Competition for Foreign College Students* yang berlangsung di negara China bulan lepas.

Selain anugerah berkaitan, beliau, 21, turut memenangi anugerah *The Champion of Asia in The 16th World Chinese Bridge Chinese Proficiency Competition for Foreign College Students* dan *The Excellence Eloquence* (Anugerah Kepetahan Terbaik) dalam pertandingan sama.

Bercakap kepada pemberita, Guan Eng melahirkan rasa bangga dengan bakat anak Pulau Pinang berkenaan, sehingga mengharumkan nama negara dan negeri Pulau Pinang.



MUHAMAD Shahmeer Mohd. Nashrul dan ibunya pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Sungguhpun beliau bukan orang Cina, tapi beliau cakap bahasa Cina lebih baik.

"(Kejayaan Muhamad Shahmeer) ini dapat dijadikan titi untuk semua bangsa bahawa bahasa adalah sesuatu yang harus dikuasai oleh semua orang supaya kita boleh dapat saling memahami antara satu sama lain.

"Dengan kepetahan beliau, tentu ini mengharumkan nama Pulau Pinang dan juga Malaysia," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Muhamad Shahmeer merupakan mahasiswa Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Negeri Selangor, kampus Puncak Alam.

Beliau turut belajar tahap tiga bahasa Mandarin di Akademi Pengajian Bahasa (APB) dan bermastautin bersama-sama keluarga di Taman Pelangi dekat Lintang Macallum 2 di sini.

Ketika bertemu Guan Eng, Muhamad Shahmeer ditemani ibunya, Salina Les serta dua saudara lelakinya.

Shahmeer memberitahu, sebenarnya beliau berasa untuk berada pada kedudukan 20 terbaik dalam pertandingan antarabangsa itu pun, sebenarnya sukar.

"Bolehkah kita membayangkan sekitar 145 pelajar dari 122 negara seluruh dunia menyertai pertandingan ini.

"Saya melihat begitu banyak perbezaan bahasa dan warna kulit, tetapi bercakap dalam bahasa yang sama iaitu Mandarin.

"Saya begitu teruja kerana mendapat banyak kenalan di China, suatu pengalaman yang saya tidak pernah lalui sebelum ini.

"Saya hanya boleh menyebut pertandingan itu begitu sengit, ketika pusingan akhir sebenarnya saya begitu gementar dan hampir terlupa semua perkara.

"Tapi, saya bersyukur menjadi pemenang selepas bersaing dengan pelajar antarabangsa, antaranya dari New York, Australia, Afrika dan sebagainya.

"Saya hanya boleh berterima kasih kerana emak yang begitu banyak memberi dorongan, menghantar saya memasuki pra sekolah Cina untuk saya belajar bahasa Mandarin sejak kecil," jelasnya.




# Beri komitmen, berusaha lebih keras, seru Pengarah JPS



CHOW Kon Yeow (barisan depan, lima dari kanan), Ir. Sabri Abdul Mulok (barisan depan, enam dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama kakitangan yang diraikan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji Tahun 2016 & Jasamu Dikenang Tahun 2017 JPS Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang perlu bersiap sedia menghadapi cabaran baru masa hadapan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji Tahun 2016 & Jasamu Dikenang Tahun 2017 JPS Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Jelasnya, faktor perubahan iklim dunia sememangnya menjadi salah satu cabaran di mana-mana negara, bahkan Malaysia dan Pulau Pinang sendiri tidak terlepas daripada fenomena tersebut.

"Kita (Kerajaan Negeri) amat peka terhadap perubahan cuaca hari ini, kadang-kadang ianya boleh jadi ketiadaan air sehingga membimbangkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan sektor pertanian, namun apabila air berlebihan, ianya menjadi cabaran lain pula kepada JPS.

"Disebabkan itu, di peringkat Pusat kini adanya perbincangan *water balance* antara negeri, termasuk projek Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) ke Pulau Pinang dalam memenuhi permintaan air untuk tempoh tahun 2030 hingga 2050.

"Serentak itu, kita (Kerajaan Negeri) juga memandang teknologi penyulingan air laut sebagai sumber untuk kegunaan harian seperti yang dilaksanakan oleh negara jiran, Singapura dalam menampung keperluan harian," kata Kon Yeow.

Dalam pada itu, Pengarah JPS Pulau Pinang, Ir. Sabri Abdul Mulok ketika berucap, menasihatkan kakitangan JPS agar terus menjaga integriti seperti yang sering diingatkan oleh pimpinan tertinggi Kerajaan Negeri.

"Jika ada yang terlibat dengan rasuah, tindakan amat serius akan diambil, ini termasuk kesalahan melibatkan disiplin.

"Justeru, berilah komitmen dan berusahalah dengan lebih keras dalam tugas yang diamanahkan.

"Malah, bagi pihak JPS Pulau Pinang, kita akan turut bertekad meminimakan 47 lokasi *hotspot* banjir di seluruh negeri ini selain meningkatkan persepsi rakyat terhadap kredibiliti JPS Pulau Pinang," ujarnya.

Pada majlis ringkas tersebut, seramai 241 kakitangan JPS Pulau Pinang menerima sijil penghargaan setelah mencapai penilaian prestasi tahunan yang cemerlang (lebih 90 markah), manakala 12 individu lain menerima penghargaan setelah menabur bakti dan bersara di JPS Pulau Pinang.




# RTB G7 bakal bermula sebelum hujung tahun – Ir. Sabri

Oleh : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Ir. Sabri Abdul Mulok memberitahu, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di enam lokasi seluruh negeri kategori projek G7 (kontraktor kelas A) akan dilaksanakan sebelum penghujung tahun ini.

Menurut beliau, Projek G7 tersebut adalah merupakan peruntukan Kerajaan Negeri dan akan dilaksanakan secara serentak, dan Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang melaksanakannya.

"Kini, ia dalam proses pemilihan melalui pra kelayakan.

"Walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan tender terbuka, namun kali ini kita (Kerajaan Negeri) perlu lebih khusus dengan membuat proses penilaian sebelum proses memanggil tender," ujarnya pada sidang media sejurus tamat Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji dan Jasamu Dikenang JPS Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas Dan Tebatan Banjir Chow Kon Yeow.

Dalam perkembangan lain, Sabri turut mengulas isu banjir yang melanda beberapa kawasan di Seberang Perai Selatan (SPS) baru-baru ini.

"Banjir yang berlaku baru-baru ini dipercayai akibat hujan lebat di Kedah dan Pulau Pinang hingga berlaku limpahan air di kawasan SPS yang terletak di bahagian hilir.

"JPS Pulau Pinang sudah memulakan perbincangan dengan JPS Kedah berhubung permasalahan berkaitan," jelasnya.

# Keutamaan nombor satu PBAPP adalah tiada catuan air – Jaseni

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) akan terus memastikan tiada catuan air di negeri ini termasuk pada musim kemarau panjang, selain demi memenuhi permintaan bekalan air rawat pihak pengguna yang kian meningkat di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata demikian ketika mengulas mengenai kehilangan sumber air negeri meningkat 3.2 peratus bagi tahun 2016 berbanding sebelumnya.

"21.5 peratus air tanpa hasil (NRW) Pulau Pinang adalah kedua paling rendah di Malaysia pada tahun 2016 selepas Melaka (19 peratus)...dengan peratusan purata NRW kebangsaan adalah 35.2 peratus. (Rujuk Lampiran A).

"NRW terjadi disebabkan paip pecah, kebocoran, kecurian air, pemadaman kebakaran dan pemeteran tidak tepat.

"Walaupun pengurusan NRW adalah penting, keutamaan nombor satu bagi PBAPP hari ini adalah 'tiada catuan air'," jelasnya pada sidang media di sini 14 September lalu.

Menurut Jaseni, pemasangan injap pengurang tekanan (PRV) untuk pengurusan tekanan air ketika operasi pengepaman pun dilaksanakan demi menangani isu NRW ini.




LAMPIRAN A.




LAMPIRAN B.

Tambahnya, sejak tiga tahun lalu, PBAPP menggunakan PRV untuk mengepam air terawat dengan tekanan yang lebih tinggi dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, demi mengelak risiko catuan air ini.

Difahamkan, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) merekodkan NRW Pulau Pinang pada tahun 2016 adalah 21.5 peratus, berbanding 18.3 peratus pada tahun 2014.

"Peratusan NRW (Pulau Pinang) sebanyak 23.9 peratus dicatatkan pada tahun 1999, ketika tempoh pentadbiran Kerajaan Negeri sebelumnya.

"(Tetapi) sejak pengkorporatan PBAPP pada 1999, NRW Pulau Pinang telah turun naik di antara 16.9 peratus dan 23.9 peratus," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Jaseni menegaskan bahawa PBAPP hanya memohon SPAN supaya mengkaji semula kadar Surcaj Penjimatan Air (WCS) sahaja.

Tegasnya, **PBAPP pada tahun 2017 sama sekali tidak pernah memohon kenaikan tarif air, sebagaimana dilaporkan dalam beberapa media arus perdana.**

**"WCS bukan kaji semula tarif air, tetapi adalah denda kepada mereka yang menggunakan air di rumah secara berlebihan sahaja.**

**"Pengguna domestik Pulau Pinang masih menikmati tarif air paling rendah di Malaysia, iaitu 32 sen per 1,000 liter untuk 35,000 liter pertama sebulan, menyamai empat kali ganda lebih rendah berbanding tarif air Johor (RM1.31 per 1,000 liter).** (Rujuk Lampiran B).

"Kita (PBAPP) masih menunggu kelulusan kaji semula tarif WCS, yang akan memberi kesan kepada 23 peratus pengguna domestik yang menggunakan lebih 35,000 liter air dalam sebulan," ujar Jaseni.

# Fasa 1 Bandar Cassia 99.83% siap, bukti KN kotakan janji – Exco

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BATU KAWAN –** Tahap pemajuan Fasa 1 Bandar Cassia yang terdiri daripada 520 unit kediaman pelbagai kategori Rumah Mampu Milik (RMM) ketika ini mencapai 99.83 peratus mengikut jadual projek pembinaan.

Mengulas lanjut, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu, tahap pemajuan projek RMM di Perumahan Suria 1 Batu Kawan itu sekaligus menunjukkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengotakan janji dengan menyediakan lebih banyak unit kediaman untuk rakyat.

"Projek ini merupakan projek pertama yang selesai dibina, dan saya difahamkan perolehan Sijil Pematuhan dan Penyiapan (CCC) dijangka selesai akhir tahun ini.




REKA bentuk Fasa 1 Bandar Cassia, Batu Kawan di sini.

"Ini, menunjukkan Kerajaan Negeri mengotakan janji dalam penyediaan dan penunaian komitmen kita terhadap usaha pembekalan perumahan mampu milik, seperti mana saya nyatakan sebelum ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat ketika melawat projek perumahan tersebut di sini baru-baru ini.

Turut serta, kakitangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku pemaju projek dan wakil-wakil dari Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Selain suasana selesa, turut kelihatan adalah kemudahan-kemudahan lain seperti gelanggang, dewan, padang bola sepak, surau, taman permainan dan kompleks makanan.

Mengikut kategori RMM, Jagdeep menyatakan bahawa 149 unit kediaman adalah Jenis B (Kos Sederhana Rendah); Jenis C2 (98, RM168,000) dan C3 (273, RM220,000).

"Daripada jumlah tersebut, sejumlah 86 peratus bagi jenis RMM B; RMM C2 (73 peratus) dan RMM C3 (25 peratus) sudahpun berjaya dijual.

"Ini menunjukkan permintaan untuk unit RMM adalah menggalakkan, dan Kerajaan Negeri akan teruskan dengan usaha serta komitmen untuk menyediakan unit-unit perumahan mampu milik pelbagai jenis khususnya untuk rakyat negeri Pulau Pinang," jelasnya.

# Pelaburan *Boston Scientific*, KM anggap destinasi pelaburan Pulau Pinang kukuh

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Y. A.B. Tuan Lim Guan Eng menganggap Pulau Pinang kian kukuh sebagai destinasi pelaburan dunia, termasuk dari Amerika Syarikat.

Ketua Menteri itu berkata demikian ketika mengulas mengenai pelaburan *Boston Scientific* dari negara itu, yang membuka firma peranti perubatan berteknologi tinggi di Taman Perindustrian Batu Kawan di sini lebih setahun lalu, baru-baru ini diumumkan tersenarai dalam Bursa Saham New York.

"(Perkembangan terbaru ini) adalah isyarat keyakinan yang kuat buat negeri ini sebagai lokasi pilihan untuk pelaburan," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam dalam sidang media di sini 14 September lalu.

Menurut Guan Eng, Naib Presiden dan Pengurus Besar Pengilangan dan Pengedaran Boston Scientific di Malaysia, Dave Mitchell sebelum ini pernah memberitahu bahawa syarikat antarabangsa itu menyuntik 'ratusan juta ringgit' dana pelaburan bagi pembukaan kilang baru tersebut, dengan rancangan untuk menambah sebanyak 400 peluang pekerjaan tempatan baru dalam tempoh dua tahun.

Tambahnya, Mitchell mengaku bahawa *Boston Scientific* memilih Pulau Pinang kerana faktor tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, kemudahan infrastruktur untuk bidang pembuatan dan tadbir urus kerajaan mesra pelabur.

Menurut Guan Eng, kilang pembuatan baru *Boston Scientific* tersebut dimajukan di atas sebidang tanah seluas 375,000 kaki persegi, iaitu lebih kurang 20 ekar atau 8.1 hektar.

Difahamkan, syarikat gergasi peralatan perubatan tersebut sehingga 31 Disember 2016 mencatatkan pendapatan 8.39 bilion Dolar Amerika Syarikat, dengan peningkatan 12 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Berdasarkan angka pencapaian itu, *Boston Scientific* menyasarkan hasil bagi tahun 2017 pada 31 Disember nanti dalam lingkungan antara 8.675 bilion Dolar Amerika Syarikat hingga 8.875 bilion Dolar Amerika Syarikat.

*Boston Scientific* bercadang untuk memperluaskan pengeluarannya dalam sektor produk urologi pada tahun hadapan.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa *Boston Scientific* juga dilaporkan mempunyai lebih daripada 13,000 produk dalam portfolio globalnya, dan ketika ini syarikat itu membekalkan teknologi perubatan ke lebih daripada 100 buah negara, meliputi lebih 15 negara di Asia.

"Malah, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah memfokuskan pelaburan *Boston Scientific* di Pulau Pinang pada satu halaman penuh dalam iklan yang disiarkan dalam *'The Economist'* keluaran 26 Ogos - 1 September 2017.

"MIDA turut menyatakan bahawa *Boston Scientific* akan menghasilkan komponen struktur jantung, fiber optik perubatan dan peralatan peranti biopsi.

"Naib Presiden Eksekutif Boston Scientific, Ed Mackey berkata, Malaysia adalah lokasi geografi yang ideal dengan infrastruktur yang kondusif untuk perniagaan, terutama dalam sektor peranti perubatan yang semakin berkembang.

"(Di kilang baharu ini) akan mula menghasilkan dua produk perubatan yang akan digunakan dalam sektor kardiovaskular dan endoskopi pada tahun ini.

"Suatu majlis pembukaan rasmi (kilang *Boston Scientific* ) dijadualkan berlangsung pada Februari 2018.

"Pelaburan oleh sebuah syarikat Amerika, di samping peluasan kilang *UST Global* dan pelancaran *Broadcom Global Distribution Warehouse* tidak lama lagi membuktikan tuduhan palsu oleh pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab kononnya pelaburan Amerika Syarikat tidak datang ke Pulau Pinang," ujarnya.




## PIEF promosi Pulau Pinang destinasi pendidikan premier Asia Tenggara

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng percaya bahawa penganjuran *Penang International Education Forum* (PIEF) baru-baru ini mampu melonjakkan nama negeri sebagai destinasi pendidikan premier Asia Tenggara.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perasmian forum berkaitan yang julung kali diadakan di sini.

Menurut Guan Eng, Pulau Pinang bukan sahaja tempat unggul untuk diduduki, malah amat sesuai dijadikan pilihan bagi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Pulau Pinang merupakan tempat yang ideal untuk belajar, dan sebagai bukti kita dapat lihat mutakhir ini ramai pelajar dari luar negara memilih negeri ini sebagai tempat melanjutkan pengajian di peringkat tinggi.

"Malah, sejak dahulu lagi golongan aristokrat dan bangsawan menghantar skion atau anak-anak mereka ke Pulau Pinang untuk belajar kerana keupayaan berbahasa Inggeris yang tinggi di sini.

"(Dan) saya percaya Pulau Pinang mampu menjadi destinasi premier pendidikan di Asia Tenggara," ucapnya baru-baru ini.

Turut berucap, Presiden Penang Centre of Education Tourism (PCET), Dr. Mary Ann Harris dan pengerusi penganjur, Amy Leow.

Hadir sama, Konsul Jeneral Jepun ke Pulau Pinang, Kiyoshi Itoi; Timbalan Konsul Jeneral Konsulat Diraja Thailand (Pulau Pinang), Sukoom Somprasonk; Konsul Ekonomi Konsulat Jeneral Republik Indonesia, Bapak Agus Priono; Naib Datuk Bandar Phuket, Somchit Suttankoon dan Konsul Pendidikan Malaysia, Normala Baharudin.

Wakil-wakil daripada universiti, kolej, sekolah dan pusat pengajian tinggi dari Republik Indonesia, Myanmar, Thailand, Vietnam serta Malaysia turut sama mengambil bahagian dalam PIEF baru-baru ini.

Penganjuran PIEF sebagai platform perkongsian bijak antara ilmuwan dan tenaga pengajar antara lain bertujuan meningkatkan keterhubungan di antara negara-negara di Asia Tenggara terutama dalam bidang pendidikan serta pengajian tinggi.

# Pusat digesa laksana RTB Sungai Pinang yang merupakan tanggungjawab mereka - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**DATUK KERAMAT –** Kerajaan Persekutuan digesa melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang yang merupakan tanggungjawab mereka tanpa sebarang kelewatan agar rakyat Pulau Pinang tidak perlu terus disengsarakan.

"Ingin saya menyatakan begitu hampa saya terhadap Kerajaan Persekutuan atas kegagalan mereka dalam melaksanakan fasa-fasa seterusnya Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang yang merupakan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

**"Kelewatan dalam pelaksanaan RTB tersebut telah membawa kesengsaraan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan yang berhampiran dengan Sungai Pinang.**

**"Malahan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan tanggungjawabnya dalam penempatan semula penduduk-penduduk di sekitar tebing Sungai Pinang.**

**"Namun malangnya, Kerajaan Persekutuan di bawah tanggungjawab mereka ini telah gagal diteruskan sejak tahun 1999,''** kata Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pada sidang media ketika mengadakan lawatan ke Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat dalam pada itu mengucapkan syabas kepada wira daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang bekerja keras membersihkan kawasan terjejas.

"Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Datuk Bandar MBPP dan keseluruhan pasukan beliau yang telah hadir di sini (kawasan Kebun Lama berhampiran Masjid Acheh Kebun Lama).

"Ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua anggota MBPP yang merupakan wira sejak Jumaat lalu (15 September 2017) apabila banjir yang begitu besar melanda kawasan Datuk Keramat dan lain-lain kawasan di Negeri Pulau Pinang.

"Saya ingin juga memberi pengiktirafan bagi pihak Kerajaan Negeri atas usaha anggota pasukan yang bekerja keras dan menjalankan kerja-kerja pembersihan yang sedang dan akan terus diusahakan oleh mereka,'' ujar beliau.



JAGDEEP Singh Deo dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

## CSR SHF, Knowles bekal alat pendengaran wajar dicontohi - Exco

**GEORGE TOWN –** “Ini merupakan hari paling gembira dalam hidup saya,” luah penerima alat bantuan pendengaran, Loh Kim Teng, 64, baru-baru ini.



LOH Kim Teng.

Pesara, Kim Teng berkata, pembedahan dijalani beliau ketika berusia 42 tahun telah mengubah hidupnya apabila ia menganggu sistem saraf hingga menyebabkannya kehilangan pendengaran sepenuhnya.

“Ini adalah hari paling gembira apabila saya dapat mendengar semula!

“Dengan adanya alat pendengaran ini, saya mampu jalani hidup seperti masa dahulu,” ujarnya yang ditemui pada majlis sumbangan bantuan alat pendengaran di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa, *Starkey Hearing Foundation* (SHF) dengan kerjasama kilang elektronik tempatan, Knowles Electronics (M) Sdn. Bhd. (Knowles) di sini baru-baru ini.

Bercakap kepada media, Kim Teng memberitahu, beliau amat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan dan menyeru insan senasibnya untuk tampil mendapatkan bantuan serta perkhidmatan ditawarkan.

“Perkhidmatan baik dan percuma...malah barang (alat bantuan pendengaran) yang diberikan juga berkualiti hingga membolehkan kami (penerima) mendengar,” luahnya

Hadir menyempurnakan majlis, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Pengurus Kanan Knowles, Raymond Chua.

Pada majlis berkaitan, seramai 1,400 penerima berdaftar dari seluruh Pulau Pinang telah melalui pemeriksaan pendengaran sebelum alat bantuan pendengaran dipasangkan.

Boon Poh ketika ditemui memuji inisiatif kedua-dua organisasi tersebut yang disifatkannya sebagai contoh membantu masyarakat memerlukan.

“Perkhidmatan yang diberikan SHF dan Knowles wajar dijadikan contoh.

“Mereka bukan sahaja memberikan alat bantuan secara percuma dengan nilai pasaran sepasang (alat bantuan pendengaran) mencecah RM1,000 hingga RM2,000, malah turut menawarkan khidmat kaunseling berhubung cara penggunaan serta penjagaan alat bantuan tersebut.

“Sebagai tambahan, pengawalan kualiti akhir terhadap alat bantuan pendengaran penerima akan diperiksa supaya berada dalam keadaan baik,” jelas beliau.


JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN LOT PERNIAGAAN / PAMERAN PESTA PULAU PINANG 2017

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai tawaran seperti berikut berikut :

| Bil | No Rujukan | Tajuk | Tawaran dibuka kepada | Tarikh Jualan Borang / Lawatan Tapak | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **JKNPP 8 / 2017** | Cabutan Undi untuk Lot Perniagaan dan Pameran sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2017. | Semua | Tarikh : **18 September sehingga 23 September 2017. (Kecuali Cuti Umum)** Tempat : **Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang** Jam : **9.00 Pg – 12.00 Tghari 2.45 Ptg – 4.15 Ptg** | Tarikh Cabutan Undi : **3, 4 & 5 Oktober 2017 ( Selasa, Rabu & Khamis )** Jam : **9.00 Pg – 12.00Tghari (Pendaftaran) 2.00 Ptg – 5.00 Ptg (Cabutan Undi)** |
| 2 | **JKNPP 9 / 2017** | Sebut Harga untuk Lot Perniagaan dan Pameran sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2017. | Semua | | Tarikh Tutup **9hb Oktober 2017** Jam : **12.00Tghari** |

1. Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang ingin menyertai tawaran ini hendaklah mendapatkan borang penyertaan di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak di atas. Bayaran **RM 10.00** dikenakan bagi setiap borang penyertaan yang dijual dan **satu borang hanya terhad untuk satu lot sahaja**. **Borang tidak boleh difotostat**.

2. Dokumen **Sebut Harga** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dengan menyatakan lot gerai/kawasan yang dipohon di **penjuru sebelah kiri sampul**. Dokumen hendaklah dihantar secara manual dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Aras 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang** sebelum tarikh tutup yang dinyatakan di atas.

# Festival Thailand simbol persahabatan dua hala

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**ANTARA DUA BUDAYA...** Penganjuran Festival Thailand yang memasuki tahun kedua baru-baru ini secara tidak langsung menjadi simbolik kepada hubungan diplomatik yang lebih kukuh antara Pulau Pinang dan negara Thailand yang kini memasuki tahun ke-60.

"Pulau Pinang dan Thailand mempunyai hubungan dua hala yang sedia terjalin sekian lama. Malah, lawatan Puteri Thailand, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Maha Chakri Sirindhorn ke Pulau Pinang baru-baru ini memberi makna yang besar kepada Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan hubungan dua hala ini.

"Jalinan persahabatan yang erat ini memberi manfaat kepada kedua-dua negara terutamanya dalam sektor perdagangan, kedamaian dan kemakmuran," ucap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis perasmian penganjuran berkaitan di Padang Kota Lama baru-baru ini.

Hadir sama, Konsul Jeneral Thailand ke Pulau Pinang, Ekajit Kraivichi.



**TARIAN tradisional yang dipersembahkan.**



**SEBAHAGIAN makanan tradisional Thailand yang dijual pada penganjuran Festival Thailand di sini baru-baru ini.**





Greenwish garden @ BATU MAUNG, PENANG
with Intelligent Home System

PLB Land Sdn. Bhd.
PLB 國雲置地有限公司
A member of PLB ENGINEERING BERHAD
PLB Group
PLBHOMES comfort assured

■ SMART HOME SYSTEM ■ SAVING WITH SOLAR ENERGY ■ SPACIOUS SPACE







• 2 STOREY
SEMI-DETACHED

TYPE A
Land Area from ±2,755 sq.ft. onwards
Built-up Area approx. ±2,460 sq.ft.
price from RM 2,186,700 onwards

TYPE B
Land Area from ±2,755 sq.ft. onwards
Built-up Area approx. ±2,345 sq.ft.
price from RM 2,153,100 onwards

019-218 9775 / 012-406 1633 / 019-378 7261

PLBHOMES comfort assured

04-390 0799
012-406 1633 | 019-218 9775
www.plbhomes.com.my

PLB LAND SDN. BHD.
1320, JALAN BARU, TAMAN CHAI LENG,
13700 PRAI, PENANG, MALAYSIA.
FAX: 604-390 0599

PLB-IH Bina Sdn. Bhd. · Gaintrend Sdn. Bhd. · PLB Green Construction Sdn. Bhd.

FREEHOLD
永久地契
5% discount for bumiputra

Developer's License No.: 13417-1/03-2017/01336(L) | Expiry Date: 14/03/2016-13/03/2017
Advertising & Sales Permit No.: 13417-1/03-2017/01336(P) | Expiry Date: 14/03/2016-13/03/2017
Approving Authority: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | Plan Approval No.: MBPP/OSC/PB7671/15(LB)
Tenure Land: Freehold | Unit: 32 units | Completion Date: JUN 2018
Land Encumbrance: Charged to OCBC Bank (Malaysia) Berhad (Co. No.: 295400-W)
5% discount for bumiputera

# Kisah Malaysia melalui Perlembagaannya (Bahagian I)

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Felo Penang Institute merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera**

**BANYAK** yang boleh diketahui tentang perwatakan sesebuah negara melalui undang-undangnya. Oleh itu, perubahan sistem perundangan sesebuah negara mencerminkan evolusi sosio-politik masyarakatnya.

Contohnya, Perlembagaan Amerika Syarikat. Sejak pemasyhuran undang-undang tersebut pada tahun 1789, perlembagaan ini telah dipinda sebanyak 27 kali. Sepuluh pemindaan terawal dikenali sebagai Bill of Rights dan memperlihatkan aspirasi dan keinginan sebuah negara baru untuk mempertahankan hak asasi berkaitan keagamaan, kebebasan bersuara, media, hak berhimpun dan hak untuk bersenjata serta perlindungan dalam sistem perundangan keadilan jenayah.

Setelah berakhirnya Perang Saudara pada tahun 1865, pindaan telah dilakukan dengan tujuan memansuhkan perhambaan dan memperhalusi hak rakyatnya. Apabila kurun kedua puluh makin mendekat, perlembagaan Amerika dipinda lagi bagi memberi jalan kepada perubahan semasa – hak wanita untuk mengundi, perkara-perkara percukaian dan satu tempoh masa yang pelik dalam sejarah moden Amerika iaitu "Prohibition".

Pembunuhan Presiden John F. Kennedy pada tahun 1963 telah memberi laluan kepada pemindaan ke-25, yang menetapkan tatacara jelas bagi mengisi kekosongan jawatan Presiden secara tiba-tiba. Pada tahun 1971 pula, setelah aktivis-aktivis mahasiswa melancarkan protes menentang Perang Vietnam, Perlembagaan telah dipinda sekali lagi untuk menurunkan umur layak mengundi dari 21 tahun ke 18 tahun.

## Kisah Malaysia

Evolusi Perlembagaan Persekutuan Malaysia sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 juga memberikan gambaran perjalanan negara kita- samada semakin ke depan atau belakang, bergantung kepada perspektif – selama usia 60 tahun kemerdekaannya.

Berbeza dengan Amerika, Dewan Rakyat Malaysia kurang segan untuk melakukan pemindaan terhadap undang-undang tertinggi negara. Setakat ini, sebanyak 57 pindaan terhadap perlembagaan telah dilakukan, hampir satu pindaan bagi setiap tahun. Namun, perbandingan sebegini agak kurang tepat, memandangkan Perlembagaan AS yang hanya mengandungi tujuh perkara, bertujuan menyediakan satu "kerangka kerajaan" yang mengagihkan bidang kuasa dan fungsi yang berlainan kepada tiga cabang utama kerajaan persekutuan, yakni perundangan (Kongres), kehakiman dan eksekutif (Pejabat Presiden).

Perlembagaan Malaysia pula adalah 12 kali lebih panjang, mengandungi 15 bahagian, 230 perkara dan 113 jadual – kesemuanya menjelaskan dengan teliti pelbagai perkara dari kedai todi ke pemberian geran kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri. Bagi tujuan praktikal, kebanyakan fasal-fasal ini memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Namun, beberapa orang sarjana juga menyatakan bilangan sebenar pindaan yang telah dibuat ke atas Perlembagaan Persekutuan mencecah bilangan hampir 700 kali, sekiranya setiap pindaan yang dibuat diambil kira. Meskipun begitu, intipati pindaan lebih penting daripada bilangan pindaan yang telah dibuat. Menurut pakar perlembagaan Saleem Faruqi, pindaan ke atas beberapa perkara kritikal telah menyebabkan Perlembagaan Merdeka kehilangan semangat asalnya. Malah, sarjana perundangan, HP Lee telah menggambarkan pindaan-pindaan yang dilakukan telah "merobohkan benteng-benteng pertahanan yang dianggap oleh Suruhanjaya Reid sebagai mustahak bagi pertumbuhan sebuah negara demokrasi yang sihat".

## 1960: Pengakhiran Darurat tanpa Kehilangan Kuasa Darurat

Pindaan besar kali pertama ke atas Perlembagaan Persekutuan dilakukan pada tahun 1960, tiga tahun selepas Merdeka. Kerajaan telah membentangkan usul Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) Perkara 1960 dan meminda 33 perkara dan memasukkan dua perkara baru, di samping meminda Jadual Kedua. Meskipun bukan tindakan luar biasa bagi sebuah negara yang baru dibentuk untuk meminda perlembagaannya, beberapa perubahan tersebut mempunyai kesan yang serius dan meluas.

Adalah penting bagi kita untuk memahami konteks zaman tersebut terlebih dahulu. Malaya, sebagaimana negara dikenali pada waktu itu telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 di tengah-tengah kemaraan komunis yang bermula pada tahun 1948. Pada tahun 1960, perang telah mula reda apabila pihak komunis yang ingin menuntut kemerdekaan secara paksaan daripada British telah dihentikan dengan Merdeka.

Namun, kerajaan lebih berminat untuk mengakhirkan darurat tanpa kehilangan kuasa darurat daripada meraikan era keamanan dan kebebasan yang baru dinikmati setelah perang. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui pindaan yang dibuat terhadap Bahagian XI dalam Perlembagaan, melibatkan Perkara 149 hingga Perkara 151 yang melibatkan undang-undang menentang perbuatan subversif dan tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam.

Perkara 149 membenarkan penggubalan Akta-akta Parlimen yang akan, jika berdepan dengan ancaman subversif terhadap Persekutuan, menggantungkan kebebasan asas yang termaktub dalam Perkara 5, 9, 10 dan 13 berkenaan kebebasan bersuara, perkumpulan, pergerakan dan harta benda serta kebebasan dari penahanan yang tidak mematuhi undang-undang. Perkara ini dapat difahami dengan situasi keselamatan yang meruncing pada waktu itu. Walau bagaimanapun, perkara yang sama turut menyatakan "sunset clause" di mana undang-undang sebegitu akan terbatal selepas setahun. Dalam erti kata lain, undang-undang yang membenarkan penahanan pencegahan hanya bersifat sementara.

Malangnya, benteng pertahanan yang kritikal ini dihapuskan dalam pemindaan, yang kemudiannya memberi laluan kepada penggubalan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang terkenal kejamnya. ISA terus kekal berkuasa sehingga dihapuskan 52 tahun kemudian, tetapi digantikan dengan undang-undang seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Keganasan 2015.

Sementara itu, Perkara 150 berkenaan pengisytiharan darurat, yang pada asalnya mengandungi satu klausa yang wajib diusulkan di kedua-dua dewan Parlimen secepat mungkin sekiranya berlaku peristiwa darurat. Setelah mencapai kata sepakat, Parlimen hendaklah meluluskan resolusi darurat. Kegagalan bertindak demikian akan menyebabkan resolusi tidak terpakai lagi secara automatik selepas dua bulan dari tarikh pengusulan. Bagi keadaan di mana Parlimen tidak bersidang pada waktu berkenaan, Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan perintah darurat yang akan berakhir setelah 15 hari persidangan Parlimen.

Namun, pindaan telah dilakukan untuk menggugurkan keperluan persetujuan dari Parlimen. Sebarang pengisytiharan darurat akan terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan oleh Parlimen. Kini, persetujuan dari Parlimen hanya diperlukan dalam mengakhirkan satu darurat; sebelum ini, persetujuan dari Parlimen diperlukan untuk meneruskan perintah darurat. Pemindaan ini bakal mencipta banyak darurat jangka masa panjang dan terutama sekali, penggantungan Parlimen pada tahun 1969.

Walaupun kebanyakan pindaan perlembagaan yang dibuat pada tahun 1960 hanya bersifat pentadbiran, terdapat juga beberapa pindaan yang menimbulkan persoalan. Sebagai contohnya, pindaan ke atas Perkara 122, 125 dan 138 telah membubarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan(JLSC), yang sebelum ini bertanggungjawab memberi pengesyoran berkaitan perlantikan kehakiman.

Sehubungan itu, kuasa untuk memulakan tindakan disiplin terhadap hakim dipindahkan dari JLSC kepada Agong atas nasihat perdana menteri, sekali gus menggugat kebebasan badan kehakiman.

Kesan tindakan ini tidak terpapar dengan jelas sehingga 28 tahun kemudian, apabila berlakunya penyingkiran Ketua Hakim Negara Salleh Abbas dan dua lagi hakim Mahkamah Agung, satu krisis kehakiman negara yang belum pulih sepenuhnya.

Selain itu, satu pindaan terhadap Perkara 145 telah mengubah pelantikan Peguam Negara dari pelantikan tetap, sama seperti seorang hakim Mahkamah Agung, kepada jawatan yang dipegang selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Kesan pindaan ini menjadikan jawatan Peguam Negara sebagai satu pelantikan politik, di mana Peguam Negara mungkin merupakan ahli kerajaan dan bertanggungjawab kepada Parlimen. Malah, dari 1960-an sehingga awal 1980-an, jawatan tersebut biasanya disandang oleh ahli-ahli Parlimen. Walau bagaimanapun, satu lagi kesan pindaan tersebut ialah Peguam Negara boleh dilucutkan pada bila-bila masa, sebagaimana yang berlaku ke atas Tan Sri Abdul Gani Patail yang mengingkari Perdana Menteri pada tahun 2016.

*Bersambung...*



ZAIRIL Khir Johari (berbaju Melayu merah jambu) bergambar bersama-sama kariah Masjid Karwa selepas solat Hari Raya Aidiladha di perkarangan Flat UDA Tanjung Tokong.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ramli Omar<br>ramliomar53@gmail.com | 012 - 487 3070 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Mohd. Rizal Abd. Hamid<br>rizalhamid.ppksa@gmail.com | 012 - 424 3878 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 012 - 445 1767 | - Muazah |
| N2 | Bertam | : 012 - 466 9681 | - Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | : 012 - 505 1334 | - Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | : 016 - 412 8588 | - Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | : 012 - 475 4326 | - Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | - Nurafiqah<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 383 9131 | - Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 013 - 580 2547 | - Mohd. Izzuan |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 010 - 811 7300 | - Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Nayim |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 231 0806 | - Yusof Ismail |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 464 3004 | - Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Oktober 2017




18hb Oktober
***Deepavali***


### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Cerapan hilal Zulhijjah tentukan awal bulan hijri di Malaysia



ABDUL Malik Abul Kassim turut tidak melepaskan peluang melihat anak bulan bagi penentuan awal bulan hijri.

**DALAM** Takwim Islam atau Takwim Hijri, cerapan hilal atau rukyah menjadi ciri utama bagi penyusunan dan penentuan awal bulan di Malaysia.

Berdasarkan definisi hukum fiqh, rukyah adalah melihat anak bulan (hilal) selepas matahari terbenam iaitu anak bulan sabit selepas ijtimak pertama sesudah matahari terbenam.

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 189, yang menerangkan kepentingan hilal dalam menentukan waktu;

"Mereka bertanya kepadamu mengenai anak bulan, katakanlah anak bulan itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan ibadah haji." (2:189)

Begitu juga riwayat Bukhari dan Muslim mengenai hilal yang mempunyai matla' iaitu kawasan yang berada pada jangka masa waktu-waktu terbit dan terbenam yang hampir sama;

"Berpuasalah kamu kerana melihat hilal dan berbukalah kamu kerana melihat hilal, apabila hilal tertutup di atasmu, maka sempurnakanlah bilangan Syaaban 30 hari."

Di Pulau Pinang baru-baru ini, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Majlis Cerapan Rasmi Hilal Zuhijjah 1438 Hijrah di Pusat Falak Sheikh Tahir dekat Pantai Acheh, Balik Pulau.

Hadir sama pada majlis tersebut, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Mufti Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Rukyah Negeri Pulau Pinang serta Sahibus Fadhilah Ustaz Aminudin Mohamad selaku Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang.



DR. Wan Salim Wan Mohd. Noor berucap pada Majlis Cerapan Rasmi Hilal Zulhijjah di Dataran Cerapan Al-Farghani dekat Pantai Acheh.

Turut sama, Ahli Jawatankuasa Rukyah, Dr. Abdul Halim Abdul Aziz yang juga menyampaikan taklimat berkaitan cerapan hilal Zuhijjah 1438 Hijrah.

Cerapan yang bermula 6:30 petang sehingga 8 malam itu, menggunakan kaedah Imkanur Rukyah iaitu kebolehnampakkan hilal dengan mengguna pakai kriteria rukyah dan hisab, secara tradisinya mendapat sambutan yang menggalakkan terutama dalam kalangan pelajar dan institusi pengajian tinggi.

Bagi penentuan awal bulan Zuhijjah 1438 Hijrah ini, umur hilal adalah 17 jam 33 minit selepas ijtimak berlaku kira-kira jam 2:30 petang pada 22 Ogos 2017 iaitu bersamaan 29 Zulkaedah 1438 Hijrah.



DR. Abdul Halim Abdul Aziz ketika menyampaikan taklimat berhubung cerapan hilal Zulhijjah.

Altitud bulan dan jarak lengkung bulan dan matahari adalah melebihi syarat yang ditentukan dengan menggunakan alatan seperti teodolit, teleskop penjejak dan binokular.

Difahamkan, untuk melihat anak bulan Ramadan, Syawal dan Zuhijjah serta semua bulan adalah dihitung berdasarkan cerapan hilal di seluruh negara (28 stesen cerapan) dan di Pulau Pinang Jawatankuasa Rukyah Negeri Pulau Pinang akan mengadakan cerapan di Pusat Falak Sheikh Tahir.

Hasil analisis semua jawatankuasa akan diangkat kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-raja untuk dipersembahkan ke Majlis Raja-Raja dan setelah diperkenankan maka pengumuman oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja.

Berikut adalah sinopsis cerapan hilal yang dilaksanakan baru-baru ini:

**SINOPSIS ZULHIJJAH 1438H (KETIKA MATAHARI TERBENAM)**

Tarikh : 22 Ogos 2017M / 29 Zulkaedah 1438H

Lokasi : Pusat Falak Sheikh Tahir, Balik Pulau

| | |
|---|---|
| 1. Waktu Ijtimak (22.8.2017) | 02:30 |
| 2. Waktu Matahari Terbenam: | 19:30 |
| 3. Waktu Bulan Terbenam: | 20:03 |
| 4. Azimut Matahari Terbenam: | 281° 45' 42" |
| 5. Azimut Bulan: | 278° 53' 08" |
| 6. Altitud Bulan: | 07° 08' 16" |
| 7. Jarak Lengkung, bulan-matahari: | 08° 06' 30" |
| 8. Umur bulan: | 17° 33' 00" |
| 9. Susulan lama atas ufuk: | 00° 33' 00" |




Rajah : Sinopsis Posisi Bulan dan Matahari (Ketika Matahari Terbenam)



# Tunjuk rakaman arus sungai deras 15 September, KM puji operasi 24 jam pulih pasca banjir

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**AIR ITAM -** Taburan hujan yang begitu lebat serta lambakan air begitu deras akibat tempias Taufan Doksuri pada 15 September lalu ditangani sebaik mungkin oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, demi rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian, sambil menunjukkan klip rakaman arus sungai yang terlalu deras ketika kejadian fenomena itu di sini.

Katanya, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa memberitahu, apa-apa sistem tebatan banjir pun tidak mampu menahan lambakan air yang terlalu banyak, seperti 15 September lalu.

"270 milimeter (mm) hujan ini biasanya adalah purata taburan hujan satu bulan, tapi ia berlaku dalam satu hari sahaja.

"Arus sungai yang terlalu deras dapat dilihat dalam rakaman ini, kerana berlakunya hujan lebat yang terlalu besar dalam sejarah untuk kawasan pulau.

"Sebagaimana disebut Jaseni, apa-apa sistem tebatan banjir pun tak mampu halang lambakan air yang terlalu banyak itu, ia (Rancangan Tebatan Banjir, RTB) hanya boleh mengurangkan kesannya sahaja," jelas Guan Eng kepada pemberita sebelum melawat sendiri paras air mencapai ketinggian maksimum 100 peratus di Empangan Air Itam di sini 17 September lalu.

Selain Jaseni, hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai; Yeoh Soon Hin (ADUN Paya Terubong) serta Ahli Parlimen Bukit Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih memberitahu, jika Empangan Air Itam tiada, lambakan air akibat hujan terlalu lebat seperti 15 September lalu mungkin mengakibatkan risiko banjir yang teruk sekali ganda.

Bagaimanapun, beliau memuji PBAPP, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta beberapa agensi Kerajaan



**IR. Jaseni Maidinsa menunjukkan data statistik rasmi PBAPP mengenai taburan hujan harian sejak 15 Ogos hingga 15 September lalu di Empangan Air Itam.**

Negeri lain, kerana berjaya memulihkan keadaan banjir lumpur, pokok tumbang dan pelbagai kacau ganggu lain dalam tempoh kira-kira 24 jam selepas fenomena hujan lebat pada hari kejadian.

"Seperti yang kita lihat pada pagi ini (17 September) keadaan seperti biasa, seolah-olah tidak terjadi banjir besar di kawasan ini.

"Kalau di negeri lain, mungkin ambil masa lima atau enam hari untuk memulihkan keadaan selepas banjir, tapi di Pulau Pinang kira-kira 24 jam sahaja masa diambil," kata Guan Eng.

Pada sidang media sama, Jaseni mendedahkan data statistik rasmi PBAPP mengenai taburan hujan harian sejak 15 Ogos hingga 15 September lalu di Empangan Air Itam. (Rujuk Lampiran A).

Menurutnya, fenomena hujan yang terlalu banyak adalah dipercayai tempias pada ribut Taufan Doksuri.

"Apa yang saya nak tunjukkan adalah bahagian pulau menerima hujan setinggi 270 mm, dan ia telah mengisi Empangan Air Itam sejumlah 25 peratus, mencapai paras air maksimum 100 peratus.

"Nasib baik sebelum fenomena hujan lebat ini terjadi, paras air berada pada tahap 75 peratus, jika tidak ia akan menjadi banjir yang lebih besar," jelas Jaseni sambil memberitahu keadaan lubang menara limpahan air di tengah-tengah Empangan Air Itam berfungsi secara automatik dan semulajadi mengikut jumlah taburan air hujan.

<u>KESAN TAUFAN DOKSURI: EMPANGAN AIR ITAM & PULAU PINANG</u>




*Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.*

**KESAN TAUFAN DOKSURI: EMPANGAN AIR ITAM & PULAU PINANG**

EMPANGAN AIR ITAM:
HUJAN & KAPASITI EFEKTIF 14/9/2017 – 16/9/2017

| *Tarikh & Masa* | *Hujan (mm)* | *Kapasiti Efektif Empangan* | |
|---|---|---|---|
| | | | *%% kenaikan* |
| 14/9/2017 | 31 | 74.6 | |
| 15/9/2017 | | | |
| 6.00 pagi | **270** | 89.3 | + 14.7 |
| 12.00 tengah hari | | 91.1 | + 16.5 |
| 6.00 petang | | 94.5 | + 19.9 |
| 12.00 tengah malam | | 96.2 | + 21.6 |
| 16/9/2017 | | | |
| 6.00 pagi | 58 | 98.1 | + 23.5 |
| 1.00 petang | | 98.7 | + 24.1 |
| 6.00 petang | | 99.4 | + 24.8 |

270mm merupakan jumlah hujan tertinggi yang direkodkan dalam tempoh 24 jam di Empangan Air Itam.

*Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.*

**LAMPIRAN A.**

Tambah beliau, projek pembinaan saluran paip limpahan di Empangan Air Itam ke Empangan Teluk Bahang yang menelan belanja kira-kira RM50 juta dalam perancangan, dan disasarkan siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun.

# Paip air limpahan Empangan Air Itam ke Empangan Teluk Bahang, salah satu pelan RTB mahu disegerakan PBAPP

**SEBERANG JAYA -** 270 milimeter (mm) rekod hujan di Pulau Pinang pada 15 September lalu adalah paling banyak dalam sejarah negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, banjir pada hari tersebut mungkin sekali ganda sekiranya sebahagian lambakan air hujan tidak ditahan di Empangan Air Itam.

Katanya, walaupun semua projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kerajaan Negeri bernilai RM220 juta dan RM150 juta Kerajaan Persekutuan berwajib sepenuhnya siap, banjir tetap berlaku jika lambakan air hujan begitu banyak seperti 15 September lalu.

Justeru, menurut beliau, syor membina paip air limpahan dari Empangan Air Itam ke Empangan Teluk Bahang bernilai RM50 juta merupakan salah satu pelan RTB yang mahu disegerakan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

"Air hujan sebulan turun habis dalam satu hari (pada 15 September lalu), macam mana nak menampung.

"Tolong bayangkan, sekiranya tidak ada empangan untuk menampung lambakan air hujan begitu banyak yang turun, semuanya mengalir ke Sungai Pinang, lagi teruk...masalah (banjir) akan teruk sekali ganda.

"Sekurang-kurangnya, kita (di bahagian pulau) mempunyai empangan air untuk menahan atau menampung sebahagian (lambakan) air.

"(Kerajaan Negeri) nak membina paip PBAPP (dengan kos) RM50 juta dari Empangan Air Itam masuk ke (Empangan) Teluk Bahang," respons Guan Eng yang juga Pengerusi PBAPP kepada pemberita, selepas berucap pada Majlis Sambutan Hari Malaysia Tahun 2017 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 16 September lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

# Matlamat Pembangunan Lestari: Tiada Pengecualian

**PERSIDANGAN** Asia Pasifik yang bertajuk 'Menyebatikan Matlamat Pembangunan Lestari ('Sustainable Development Goals, SDGs') ke Sfera Tempatan: Tiada Pengecualian', akan diadakan pada 25 dan 26 Oktober 2017 di Hotel Jen, Pulau Pinang. Acara dua hari itu terbuka kepada pembuat dasar dan pengamal, penyelidik, pemimpin masyarakat, kumpulan masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain. Persidangan ini dianjurkan oleh PWDC dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), United Nations Development Program (UNDP), dan Penang Institute.

Pada sidang akhbar baru-baru ini, Chong Eng selaku Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Komuniti, mengatakan peserta akan dapat berkongsi dan memperoleh pengetahuan tentang bagaimana Matlamat Pembangunan Lestari dapat diubahsuaikan mengikut konteks dan keperluan setempat. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa delegasi dijangka datang dari agensi kerajaan kawasan serantau, persekutuan, negeri dan tempatan, serta dari industri, persatuan bukan kerajaan dan ahli akademik.

Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Puan Ong Bee Leng memaklumkan kira-kira 200 peserta dijangka menghadiri persidangan tersebut. Ong memaklumkan bahawa ucap utama persidangan ini akan disampaikan oleh Prof Dr Jomo Kwame Sundaram, pakar ekonomi Malaysia yang sohor. Untuk maklumat lanjut, layari *http://sdgs.pwdc.org.my*

Pembentang Ucap Utama: Jomo Kwame Sundaram

Jomo Kwame Sundaram mewakili Kerusi Tun



**JOMO Kwame Sundaram.**

Hussein Onn di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa, Malaysia, *Visiting Senior Fellow* di Institut Penyelidikan Khazanah, Visiting Fellow di Initiative for Policy Change, Universiti Columbia, dan *Adjunct Professor* di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Beliau merupakan Profesor di Universiti Malaya




(1986-2004), Pengasas-Pengerusi International Development Economics Associates (IDEAs), Penolong Setiausaha Agung Pembangunan Ekonomi dan Sosial, *Food and Agriculture Organisation*, FAO (2005-12). Beliau telah menerima beberapa pengiktirafan dan anugerah untuk sumbangannya termasuk *Wassily Leontief Prize 2007* dalam Memajukan Perbatasan Pemikiran Ekonomi.

## *'Penang Goes Orange 2017'* – Cabaran Oren

**'PENANG** *Goes Orange'* (PGO) adalah kempen peringkat negeri yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bersama-sama dengan EXCO Pulau Pinang untuk Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sejak 2014. Menyesuaikan tema antarabangsa untuk 'Orange Day', PGO2017 membawa mesej iaitu "Hentikan Jenayah Seksual ", yang menyeru orang ramai untuk lebih menyedari isu ini dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah dan menghentikan jenayah seksual.

**Cabaran Oren** yang merupakan acara pelancaran PGO tahun ini adalah satu pertandingan interaktif di Entopia, Teluk Bahang. Ia adalah hari keseronokan dipenuhi permainan dan kuiz, dengan tujuan peserta akan sedar mengenai peranan mereka dalam usaha menghentikan jenayah seksual. Setiap pasukan dikehendaki menyempurnakan aktiviti-aktiviti di 13 tempat semak, di mana setiap aktiviti membawa mesej tertentu dalam "Hentikan Jenayah Seksual ". Aktiviti-aktiviti direka untuk mewujudkan lebih banyak kesedaran mengenai realiti keganasan dalam masyarakat dan menyerlahkan langkah-langkah pencegahan dan pemulihan yang boleh diambil. Di samping itu, satu pertandingan mewarna juga akan diadakan.

Pendaftaran Cabaran Oren, sempena PGO2017, dibuka mulai 28 September 2017 sehingga 30 Oktober 2017. Oleh sebab bilangan pasukan adalah terhad, siapa cepat dia yang dapat. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi - *info@pwdc.org.my*

# Kepentingan Perwakilan Wanita Dalam Politik

**DOMINASI** golongan lelaki dalam arena politik merupakan satu realiti yang tidak boleh disangkal. Malah, politik secara amnya telah dianggap sebagai hal ehwal lelaki. Kaum wanita di sesebuah negara telah dipinggirkan dari sistem politik ataupun mempunyai kadar perwakilan yang amat rendah, walaupun sesebuah negara itu mempunyai pengundi wanita berdaftar yang lebih banyak daripada pengundi lelaki berdaftar, misalnya di Malaysia.

Akan tetapi, trend dominasi lelaki dalam dunia politik akan melihat satu anjakan paradigma. Di merata dunia, kaum wanita telah mula sedar akan kepentingan penglibatan mereka dalam sistem politik dan menolak norma politik ataupun status quo di negara mereka yang dilihat bersifat seksis, tidak mencerminkan kepelbagaian politik (*diversity in political representation*) dan meremehtemehkan isu-isu kebajikan, suara serta kepentingan pembangunan wanita. Mereka telah mula mewakili parti-parti mereka dalam proses-proses pilihanraya di negara mereka. Untuk memastikan momentum ini berkekalan dan tidak dihapuskan oleh status quo yang sedia wujud, kaum wanita telah mula menubuhkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita dan kumpulan-kumpulan pelobi untuk mendesak kerajaan dan parti-parti politik di negara mereka untuk memperkenalkan undang-undang yang mewajibkan penglibatan wanita ataupun menyeru lebih ramai ahli parti wanita yang berkelayakan untuk bertanding dalam pilihanraya.

Tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan politik kaum wanita dalam sistem politik sesebuah negara amatlah penting. Ini disebabkan ahli politik wanita adalah lebih aktif dan komited dalam memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan gender (*gender-related issues*) seperti isu kesihatan wanita, hak penjagaan kanak-kanak, hak reproduktif wanita (*reproductive rights*) dan isu-isu ekonomi yang melibatkan pelindungan hak-hak pekerja wanita, wanita golongan B40 dan membantu usahawan-usahawan wanita terutamanya mereka yang bergiat dalam industri kecil dan sederhana (IKS).

Sebab keduanya, ahli-ahli politik wanita lebih prihatin terhadap masyarakat yang diwakili mereka. Fakta ini telah dikemukakan dalam sebuah kertas kajian bertajuk "*Men Rule: The Continued Under-Representation of Women in US Politics*" yang diterbitkan oleh Women and Politics Institute dari American University bertempat di Washington DC, Amerika Syarikat. Yang ketiga, ahli-ahli politik wanita mempunyai gaya kepimpinan politik yang berbeza. Fakta ini telah disokong dalam sebuah kajian bertajuk "*Uncovering The Political Impacts of Gender: An Explanatory Study*" yang telah diterbitkan di Amerika Syarikat pada tahun 1989 oleh seorang profesor sains politik bernama Lyn Kathlene. Beliau telah menjadikan jawatankuasa perundangan negara sebagai fokus kajian dan hasil kajian menunjukkan bahawa ahli politik wanita lebih cenderung bekerjasama, merentasi fahaman politik dan lebih menekankan pembinaan consensus (*consensus-building*), manakala ahli-ahli politik lelaki pula lebih agresif dalam gaya kepimpinan politik mereka.

Keempatnya, ahli politik wanita kurang terlibat dalam isu rasuah jika dibandingkan dengan ahli politik lelaki. Fakta yang kurang diketahui umum ini telah dinyatakan dalam sebuah kertas kajian bertajuk yang bertajuk "*Are women really the 'fairer' sex? Corruption and Gender in Governance*" yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada tahun 1999. Kajian ini telah menunjukkan satu korelasi negatif antara penglibatan wanita dalam politik sesebuah negara dan kadar rasuah.

Terdapat beberapa negara yang mempunyai kadar perwakilan wanita yang amat tinggi dalam arena politik seperti Rwanda, Senegal, Afrika Selatan, Finland dan Iceland. Manakala negara-negara yang mempunyai kadar perwakilan wanita dalam politik yang amat rendah (ataupun tiada langsung) adalah seperti Qatar, Yemen, Oman, Vanuatu dan Solomon Islands. Di negara kita pula, perwakilan wanita dalam sistem politik amatlah rendah dan ini merupakan satu fakta yang amat menyedihkan. Jika dihitung bilangan ahli parlimen wanita di Dewan Rakyat, jumlah mereka hanyalah 24 (10.8%) daripada 222 orang ahli parlimen. Nisbah perwakilan wanita dalam politik di Malaysia adalah 1 ahli parlimen wanita untuk setiap 10 ahli parlimen lelaki dan nisbah ini amat besar jika dibandingkan dengan nisbah purata sedunia (yakni 1 daripada 5). Di negeri Pulau Pinang pula, terdapat hanya enam (15%) daripada 40 ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) ialah wanita. Perwakilan yang kurang ini adalah berpunca daripada amalan-amalan parti-parti politik di negara kita yang kurang memperkasakan dan membuka peluang kepada ahli-ahli wanita mereka yang berkebolehan mewakili parti-parti mereka dalam pilihanraya-pilihanraya.

Untuk mengubah realiti ini, satu pelan penyelesaian secara "fast track" perlu diperkenalkan agar bilangan wanita dalam sistem politik tanah air kita dapat dipertingkat. Antara jalan penyelesaiannya adalah melalui pengenalan sistem kuota wanita dalam dewan perundangan peringkat negeri dan parlimen. Pengenalan sistem kuota ini akan mewajibkan kerajaan persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri untuk memperkenalkan undang-undang yang mewajibkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kerusi parlimen dan dewan-dewan perundangan negeri diperuntukkan kepada wanita. Sistem kuota ini telah diperkenalkan dengan jayanya di negara-negara seperti Sweden, Austria, Belgium, Kanada, dan Australia. Dengan memperkenalkan sistem kuota ini, parti-parti politik dan kerajaan akan menyedari kepentingan penyertaan dan sumbangan wanita dalam pembangunan negara kita. "Di Malaysia, *Penang Women Development Corporation* (PWDC) telah mula advokasi untuk memperkenalkan kerusi tambahan (bukan konstituen) untuk wanita sebagai langkah "fast track" perwakilan wanita dalam politik," kata Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC.

Di Malaysia, kaum wanita kita mempunyai idea-idea dan visi untuk membangunkan negara tercinta kita dan adalah satu kerugian besar untuk kita semua jika mereka tidak diperkasakan atau diberikan peluang untuk memberi sumbangan terhadap hala tuju negara. Oleh yang demikian, marilah kita semua memperjuangkan kesaksamaan gender dalam perwakilan politik di negara kita untuk melahirkan Malaysia yang progresif.

SummerSkye residences
YOUR OWN PLACE. YOUR OWN PACE.

HAK MILIK KEKAL
5% Diskaun Untuk Bumiputera

Bukan sahaja sebuah rumah,
ianya satu destinasi kehidupan anda.



Kediaman :
1,100, 1,200 & 2,200 kps
Jumlah Unit : 507
Harga dari RM550,000 (min)
sehingga RM1,100,000 (max)

Komersil :
1,219 sehingga 2,062 kps
Jumlah Unit : 78
Harga dari RM487,600 (min)
sehingga RM1,649,600 (max)




Sebarang pertanyaan, hubungi kami di 04-6456 888

• Pemaju : Ideal Homes Properties Sdn Bhd. (450900-T) • Pejabat Jualan : 71, Ideal @ The One, Jalan Mahsuri, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang. • No. Telefon : 604-6456 888 • No. Faks : 604-6457 888 • No. Lesen Pemaju: 1784-3/06-2018/01652(L) • Tempoh Sah Lesen : 24/06/17-23/06/18 • No. Permit Iklan : 1784-3/06-2018/01652(P) • Tempoh Sah Permit : 24/06/17-23/06/18 • Pegangan : Kekal • Bebanan : Tiada • Tarikh Projek Dijangka Siap : Jun 2018 • Pihak Berkuasa Meluluskan : Majlis Perbandaran Pulau Pinang • No. Kelulusan Pelan Bangunan : MPPP/OSC/PB(6818)/14(LB)

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi :*
***Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri***
***Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang***
*Tel : 04-6505 242 Fax : 04-2622 904*


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 4079
Peminjam : TAJUDEEN BIN M K Y ABDUL RAHMAN - 76040207****
NO. 33 JALAN PRIMA 3/4, TAMAN PUCHONG PRIMA 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : SYED IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN - 70081771****
NO. 13 JALAN BP 3/17, BANDAR BUKIT PUCHONG 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 2 : MOHAMED MOHAIDEEN B. NOORDEEN - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 41 JALAN DATO BANDAR TUNGGAL 70000 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

No Akaun : 4087
Peminjam : SITHI HAMNA BINTI ABU BAKER - 74053071****
NO. 89 LORONG SERAMPANG, TAMAN TELUK PULAI 41100 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1 : ABU BAKER BIN MOHD IBRAHIM - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 42A JALAN HILIR, TAMAN GEMBIRA 41100 KLANG, SELANGOR
Penjamin 2 : M A AHMAD BIN ABDUL KADER - 47120671****
137 JALAN DATUK SULAIMAN 3, TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 4118
Peminjam : LIM CHENG SEONG - 73082007****
3-6-8 PRIMA VIEW, LEBUH NIPAH 2, SG. NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN NGOH SING - 55011008****
3 JALAN MURAI, TAMAN PEKAN BARU 34200 PARIT BUNTAR, PERAK
Penjamin 2 : TAN GUANG CHEA - (MENINGGAL DUNIA)
361 JALAN SUNGAI, 34200 PARIT BUNTAR, PERAK

No Akaun : 4123
Peminjam : LIM WUN LEE - 72121007****
14 LORONG CERMAI 7, TAMAN CERMAI 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : BEH TEIK HUP - 3974***
4 LEBUHRAYA KURAU, CHAI LENG PARK 13700 PERAI
Penjamin 2 : LOH EE PENG - 7570***
19 JALAN IMPIAN 1, TAMAN IMPIAN, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4143
Peminjam : NURZAFIL BIN CHIK - 75081407****
BATU 30 JALAN SERDANG, KAMPUNG BAGAN SAMAK 34950 BANDAR BAHARU, KEDAH
Penjamin 1 : ZAINAL ABIDIN B MOHAMED ARABEE - 35041707****
245 JALAN PERWIRA, TAMAN PERWIRA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD LUTFI B NORDIN - 64062002****
F505 KAMPUNG CHARUK PADANG 08200 SIK, KEDAH

No Akaun : 4171
Peminjam : TAN LAY PENG - 73090107****
NO. 50 LORONG SENTUL 24, TAMAN SENTUL JAYA 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SAW HUNG CHEW - 0275***
502-G JALAN TANJONG BUNGAH 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG
Penjamin 2 : HOR YOU CHOI - 5854***
B-5-6-14 LINTANG PAYA TERUBONG 3, DESA PERMATA, AIR ITAM 11060 PULAU PINANG

No Akaun : 4180
Peminjam : HARIZA BINTI ABDUL RAHIM - 75122107****
NO 53 LORONG SRI DESA, KAMPUNG BESAR 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : HABSHAH BTE HAJI TAIB - 60021407****
B-165 JALAN MP 36, KAMPUNG MATANG PAGAR 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR
Penjamin 2 : ISMAIL BIN OSMAN - 60072402****
B-165 JALAN MP 36, KAMPUNG MATANG PAGAR 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR

No Akaun : 4194
Peminjam : MOHD RIZAL B MOHD SALLEH - 75070807****
1208 JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : FARIDAH BT M.SULTAN MYDIN - 53122907****
137 JALAN SURIA TIGA, TAMAN SURIA, TAIPING 34000 PERAK
Penjamin 2 : SHAHAR BANUN BT SULTAN MAYDIN - 59072507****
1208 JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH

No Akaun : 4202
Peminjam : MAZLI BIN ABDUL MALIK - 75053007****
10-2-6 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL MALIK BIN ISMAIL - 50120407****
NO. 156 JALAN PERMAI 3, TAMAN DESA PERMAI 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : HALIMI B HAJI MOHAMED NOH - 62083006****
2A JALAN SUNGAI NIPAH 3, TAMAN GENTING EMAS, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG

No Akaun : 4244
Peminjam : TOH KHENG HOOI - 73071107****
NO 21 LEBUH BATU MAUNG 7, TAMAN SRI MEWAH 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TOH YN CHEEN - 6255***
21 LEBUH BATU MAUNG 7, TAMAN SRI MEWAH, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOH KEK BENG - 5186***
21 LEBUH BATU MAUNG 7, TAMAN SRI MEWAH, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG

No Akaun : 4248
Peminjam : ROZANA BT ABDUL RAHMAN - 74072009****
NO 39 LORONG 3, KAMPUNG GURU 01000 KANGAR, PERLIS
Penjamin 1 : FITRIAH BT CHE PI @ HANAFI - 59041109****
NO. 266 BAITUL FITRI, KM 4 JALAN SANTAN 01000 KANGAR, PERLIS
Penjamin 2 : NORDIN BIN YAHYA - 57070409****
NO. 19 LORONG BELIMBING, TAMAN SURIANI 01000 KANGAR, PERLIS

No Akaun : 4261
Peminjam : MASLINA BTE MANSOR - 76093007****
LOT 58 JALAN 17/141, KAMPUNG MALAYSIA TAMBAHAN 57100 SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : HAMIDON BIN MOHAMAD - 57112207****
NO. 446 JALAN RIA 3, TAMAN RIA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : YAHAYA MOHAMED - 66111507****
287 JALAN HAJI MURSHID 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH

No Akaun : 4264
Peminjam : MOHD FIRDAUS BIN AHMAD - 75032307****
40, JALAN WAWASAN, KAMPUNG KEDAH, BANK MUAMALAT 34200 PARIT BUNTAR, PERAK
Penjamin 1 : MAT DALI BIN ISMAIL - 54051608****
NO. 15 A BATU 4, SUNGAI DUNGUN, KUALA KURAU, 34350 PERAK
Penjamin 2 : ARSHAD BIN YOP - 43100307****
2A-18-06 MUTIARA IDAMAN, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 4265
Peminjam : MOHD RADZI BIN SAMSUDIN - 75110107****
2A-8-8 MUTIARA IDAMAN 2, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : HALIJAH BINTI SAMSUDIN - 69110907****
216 MK H JALAN SUNGAI NIPAH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD NAZRI BIN SAMSUDIN - 73021007****
216 MK H JALAN SUNGAI NIPAH 11000 BALIK PULAU , PULAU PINANG

# Federal Oats Mills labur RM120 juta bina kemudahan baharu

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Federal Oats Mills Sdn. Bhd. (FOMSB) yang merupakan pengeluar produk berasaskan oat melabur RM120 juta bagi membina kemudahan baharu di Zon Hub Makanan Halal Antarabangsa Pulau Pinang, *Penang Science Park* di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS).

Kemudahan kilang baharu tersebut adalah untuk menampung usaha pihak berkaitan mengembangkan kapasiti pengeluaran bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat di bawah jenama produk, *Kapten Oats*.

Pengarah Eksekutifnya, Michael Chew berkata, kemudahan tersebut mampu menghasilkan pengeluaran sehingga 25 tan, iaitu empat hingga lima kali ganda daripada pengeluaran yang dihasilkan kilang di Mak Mandin Industrial Park kini.

"Kilang ini akan dibina di atas tanah seluas 6.7 ekar, dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun.

"Menurut penyelidikan *Zion Market Research*, ukuran pasaran global untuk produk oat dijangka mencecah USD2.5 bilion menjelang tahun 2022," ujarnya pada Majlis Pecah Tanah FOMSB di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Penasihat Khas kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon, Dato' Loo Lee Lian (Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, iP), Chew Soo Eng (Pengarah Urusan FOMSB) dan Tan Kim Choo (Pengurus Besar FOMSB).

FOMSB merupakan satu-satunya kilang penghasilan bijirin di Asia Tenggara yang mana produknya dieksport ke lebih 35 negara merangkumi Asia Tenggara, Asia Selatan, Timur Tengah, Afrika dan China.

Mengulas lanjut, Michael memberitahu, FOMSB bakal mempunyai kira-kira 100 kakitangan, termasuk jurutera mahir bagi memberikan tumpuan kepada penyelidikan serta pembangunan produk.

"Selaras dengan trend global ke arah pembuatan pintar dalam era digital baru Revolusi Perindustrian Keempat, kemudahan ini disesuaikan dengan reka bentuk terkini dengan sistem pengeluaran dan pembungkusan automatik sepenuhnya," jelasnya.

Dalam pada itu, Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam menyatakan bahawa Hub Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHH) kini merupakan hab (halal) kedua terbesar dalam negara selepas Selangor.

"Industri halal dan makanan menunjukkan pertumbuhan berterusan di Pulau Pinang.

"Pada 2016, *Harvard Business Review* menjangkakan permintaan terhadap makanan akan meningkat di antara 59 hingga 98 peratus menjelang 2050.

"Manakala, industri halal dijangka akan mencecah USD3.5 trilion," kata beliau.



**KETUA Menteri, Lee Kah Choon (empat dari kiri), Michael Chew (tiga dari kanan) dan barisan jemputan kehormat menyempurnakan gimik Majlis Pecah Tanah FOMSB di sini baru-baru ini.**




**REKA bentuk kilang baharu FOMSB yang bakal dibangunkan di *Penang Science Park.***

# Pembukaan kedua *UST Global*, bukti Pulau Pinang destinasi menarik GBS - KM

**PANTAI JEREJAK –** Penyediaan penyelesaian teknologi maklumat (IT) dan kejuruteraan terkemuka, *UST Global* yang berpengkalan di Aliso Viejo, California, Amerika Syarikat menyasarkan pertumbuhan signifikan di negeri ini dalam tempoh tiga tahun akan datang dengan pembukaan kedua syarikat tersebut di sini baru-baru ini.

Country Head Malaysia, Amar Chhajer berkata, *UST Global* bagi syarikat *Fortune 500* dan *Global 1000* berkaitan sedang berusaha mendapatkan lebih 1,000 pekerja dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Kami komited membangunkan bakat-bakat inovatif, pengurusan dan pengambilan lebih ramai pekerja di Pulau Pinang.

"Dengan pengembangan ini, diharap mewujudkan kondisi kerja yang bukan sahaja melibatkan pekerja, malah juga membantu meningkatkan kecekapan operasi firma yang akan memenuhi keperluan pelanggan UST Global melalui perkhidmatan khusus serta penyelesaian keupayaan terbaik," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Bangunan Cawangan Kedua UST Global di Bayan Baru di sini.

Hadir menyempurnakan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Ketua Pegawai Eksekutif investPenang (iP), Dato' Loo Lee Lian, Jaffri Ibrahim (Ketua Pegawai Eksekutif CREST) dan Gilroy Mathew (Pengurus Besar APAC, UST Global) turut serta.

Mengulas mengenai pembukaan baharu tersebut, Guan Eng menyatakan bahawa keputusan *UST Global* memilih Pulau Pinang menunjukkan kejayaan negeri sebagai sebuah destinasi menarik bagi pelaburan Sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS).

"Ini adalah bukti Kerajaan Negeri menjalankan tadbir urus baik, mempunyai hab logistik cekap, rantaian bekalan kompeten, infrastruktur komunikasi yang baik, ruang perniagaan sesuai serta bangunan dan ketersediaan bakat mahir...semuanya terdapat di bandar pintar bertaraf antarabangsa," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Menurut Guan Eng, dalam tempoh 12 tahun sejak Pulau Pinang dianugerahkan status *MSC Malaysia Cybercity* pada 2005, *Penang Cybercity* telah mewujudkan lebih daripada 200 syarikat berstatus MSC dan lebih 10,000 pekerjaan bernilai tinggi.

"Kita (Pulau Pinang) bangga bahawa Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menerusi *Malaysia Investment Performance 2016* telah menyenaraikan Pulau Pinang sebagai pelaburan kedua terbesar bagi Pertumbuhan Global Untuk Perkhidmatan atau Hub Utama dengan nilai pelaburan sebanyak RM4.1 bilion, selepas Kuala Lumpur," jelas beliau.




**BANGUNAN cawangan kedua UST Global bertempat di Bayan Baru di sini.**

# Hakis mentaliti silo, capai misi bandar raya terbaik Asia



YEOH Soon Hin, Maimunah Mohd. Sharif dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Pengasingan Sisa Di Punca Peringkat KADUN Paya Terubong di sini baru-baru ini.

Gambar : **MBPP**

**PAYA TERUBONG** – Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif menyeru masyarakat di negeri ini supaya menghakis sikap mentaliti silo yang dilihat boleh menghalang usaha ke arah Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Beliau berkata, **sebelum ini, salah satu kekangan yang menghalang sebarang usaha ke arah negeri yang lebih baik adalah pemikiran secara mentaliti silo, iaitu berfikir serta bertindak dalam ruang lingkup sendiri.**

**"Sebagai contoh, individu yang bermentaliti silo akan berfikir bahawa mereka perlu membuang sampah, jika tidak kakitangan MBPP tidak ada kerja untuk dibuat dan bergaji percuma.**

**"Sikap sebegini, harus dikikis dan dibuang, seharusnya kita berfikir bagaimana caranya untuk membantu pihak MBPP mengurangkan sampah, selain menjalankan pengasingan sisa di punca dan kitar semula di kediaman masing-masing.**

"Jika sikap ini (mentaliti silo) tidak dibuang, maka misi dan visi kita (MBPP dan Kerajaan Negeri) untuk menjadi antara bandar raya terbaik di Asia tidak akan dicapai meskipun baru-baru ini Pulau Pinang diiktiraf sebagai *'livable city'* ketiga terbaik di Asia dan pertama di Malaysia," ucapnya pada Majlis Perasmian Pengasingan Sisa Di Punca Peringkat Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Paya Terubong di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Ar. Yew Tung Seang; Ahli Majlis bagi MBPP, Syerleena Abdul Rashid; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Mubarak Junus serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Dalam pada itu, Maimunah turut mengulas sasaran yang diletakkan oleh Ketua Menteri supaya Pulau Pinang menjadi jaguh bagi tahap negeri terbersih di Malaysia.

"Tahun ini, bagi tahap kebersihan, kita mendapat tempat ketiga di Malaysia di belakang Kuala Terengganu, Terengganu dan Ipoh, Perak.

"Jadi Y.A.B. Ketua Menteri, telah meletakkan satu sasaran untuk merampas kedudukan pertama tahun depan kerana kalau Terengganu boleh buat, tidak mustahil kita orang Pulau Pinang tak boleh buat," seru beliau.

Dalam perkembangan sama, Maimunah percaya bahawa Pulau Pinang mampu mengurangkan sebahagian pembuangan sisa sekaligus mampu menjimatkan sehingga RM2 juta *tipping fee* yang dibayar kepada kontraktor pengurusan di tapak pelupusan sampah Pulau Burong.

"(Dan) hasil penjimatan ini, membolehkan pihak MBPP menyediakan pembangunan infrastruktur bukan sahaja di bahagian pulau, malah juga di Paya Terubong," jelasnya.

Difahamkan, bagi tahun 2016, kawasan pulau sahaja membayar sejumlah RM4.5 juta *tipping fee*.

Dalam pada itu, Soon Hin ketika ditemui menggesa agar penduduk di Paya Terubong serta JKKK setempat dapat berganding bahu bersama-sama MBPP bekerja sebagai satu pasukan dalam menjayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca.

"Sejak program ini dilaksanakan, saya lihat ada berlaku sedikit-sebanyak perubahan, namun kita perlu meningkatkan lagi usaha dan menjadikannya sebagai kebiasaan dalam kehidupan seharian.

"Oleh itu, sama-samalah kita menyokong dan amalkan pengasingan sisa di punca," ujarnya.

## Tidak sesekali akan benarkan loji tenaga kuasa nuklear di Pulau Pinang - KM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK** – Perubahan iklim global adalah isu kritikal yang tidak boleh dipandang mudah, sebaliknya menuntut perhatian serius daripada semua pihak dalam memastikan permasalahan berkenaan ditangani dengan lebih berkesan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Majlis Perasmian Karnival Hijau Antarabangsa Pulau Pinang 2017 di sini baru-baru ini.

Katanya, pelbagai inisiatif penjagaan alam sekitar yang dilaksanakan Kerajaan Negeri adalah bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap alam sekitar.

"Juga menggalakkan umum bagi menangani punca dan kesan pemanasan global, serta mewujudkan kesan menyeluruh dalam usaha memerangi pemanasan iklim.

"Ini kerana, Kerajaan Negeri mempunyai visi untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan pintar dengan persekitaran yang bersih, hijau, selamat, sihat dan ceria," ujar Guan Eng.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dato' Maimunah Mohd Sharif (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP), Dato' Sr. Rozali Mohamud (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Thing Siew Shuen (Pengurus Besar PGC).

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, sejak tahun 2010, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kecekapan sumber seperti khidmat bas CAT secara percuma, tiada beg plastik percuma setiap hari, larangan penggunaan bekas makanan polistirena, memberi insentif untuk bangunan hijau, penyediaan laluan basikal dan penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca.

"Malah, Pulau Pinang kini telah mencapai 38 peratus kadar kitar semula tertinggi di negara ini, berbanding 22 peratus kadar kitar semula negara.

"Harapan kita dengan penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca sejak 1 Jun lalu akan meningkatkan kadar (kitar semula) ini kepada 40 peratus menjelang tahun 2020," jelasnya merangkap Pengerusi Penang Green Council (PGC) pada majlis berkaitan.

Dalam pada itu, **Guan Eng sekali lagi melafazkan ikrar bahawa pentadbirannya tidak sesekali akan membenarkan Kerajaan Persekutuan membina loji tenaga kuasa nuklear di Pulau Pinang.**

**"Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang menentang pembinaan tersebut.**

**"Kita berharap Malaysia akan mengelak loji kuasa nuklear seperti Jerman.**

**"Banyak negara maju seperti Jerman telah menarik diri daripada penggunaan loji kuasa nuklear kerana risikonya terlalu besar, walau apapun perlindungan alam sekitar yang dilaksanakan!**

**"Perlu sedar bahawa kita tidak mewarisi bumi ini, tetapi hanya meminjamnya daripada anak-anak kita. Marilah bertindak terhadap perubahan iklim, jika tidak sekarang, bila lagi...**," seru beliau.



WONG Yuee Harng (berkemeja biru) menunjukkan risalah Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang diedarkan kepada salah seorang peniaga pasar malam Gat Lebuh Macallum di sini baru-baru ini.

## Asing sisa, peniaga pasar malam Gat Lebuh Macallum positif

**PENGKALAN KOTA** – Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yuee Harng memberitahu bahawa kesedaran tentang Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dalam kalangan para peniaga pasar malam Gat Lebuh Macallum berada pada tahap baik.

Perkara tersebut dinyatakan beliau ketika lawatan pada 11 September lalu bersama-sama kakitangan MBPP dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

"Hari ini juga kita lakukan pemeriksaan dan dapati kesedaran tentang pelaksanaan dasar berkaitan adalah begitu tinggi dalam kalangan peniaga... ianya boleh dilihat di pusat pengumpulan yang kita sediakan untuk peniaga di sini.

"Selain itu, saya bersama-sama JKKK dan MBPP turut mengedarkan risalah berkenaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, cara-cara dan kebaikan pelaksanaannya," katanya pada sesi turun padang berkaitan di sini baru-baru ini.

Tambah Yuee Harng, terdapat juga inisiatif daripada peniaga yang mengubah suai kenderaan perniagaan sebagai pusat kitar semula dan pengasingan sisa demi menjayakan pelaksanaannya.

# Kerja pemuliharaan Bukit Juru siap, dibuka untuk *'Forest Bathing'*

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Kerja-kerja memulihara Hutan Simpan Bukit Juru seluas 150 hektar di sini siap sepenuhnya dan dibuka kepada pendaki untuk aktiviti *'Forest Bathing'*.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merakamkan penghargaan atas kerjasama antara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan syarikat IOI Oleochemichal Industries Berhad membaik pulih laluan hutan, termasuk 646 anak tangga serta kemudahan-kemudahan lain di sini.

"Walaupun Bukit (Juru) ini tidak setinggi dan secabar Bukit Cherok To' Kun atau Bukit Bendera, tetapi ia masih merupakan destinasi baru bagi para pendaki.

"Selepas ini, Bukit Juru akan menjadi satu lagi destinasi untuk para pendaki, khususnya mereka yang mahu *'Forest Bathing'* atau mandi hutan," jelasnya pada Majlis Perasmian Program 'Forest Bathing' Hutan Simpan Bukit Juru di sini 23 September lalu.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur dan para peserta pada Majlis Perasmian Program 'Forest Bathing' Hutan Simpan Bukit Juru di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen; Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta wakil kepada Pengarah Eksekutif IOI Oleochemical Industries Berhad, Tan Kean Hua.

Difahamkan, kerja-kerja pemuliharaan bukit tersebut bermula pada 28 Ogos lalu dan siap, 18 September lepas.

Guan Eng memberitahu, projek pemuliharaan tersebut menelan belanja RM19,344.70, termasuk RM13,000 tajaan syarikat IOI Oleochemichal Industries Berhad.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perhutanan Negeri yang melaksanakan kerja-kerja *'tagging'* semua pokok di sini, untuk keseronokan aktiviti 'mandi hutan'.

Manakala, Rozali ketika berucap mencadangkan Kerajaan Negeri pada masa hadapan menyediakan pegawai petunjuk jalan ke hutan, untuk keseronokan pengunjung menikmati aktiviti mandi hutan di sini.

*'Forest Bathing'* adalah aktiviti fizikal dalam hutan seperti melihat, menghidu dan menyentuh flora serta berjalan-jalan sambil mendengar kicauan fauna.



# Bengkel Kejurulatihan (Pendidikan Alam Sekitar) kembali, 25 & 26 November!

***"PENDIDIKAN** Alam Sekitar diperlukan untuk meningkatkan kesedaran sivik dan sosial di kalangan kanak-kanak bagi membangunkan rakyat yang berpegang kepada nilai-nilai alam sekitar, yang prihatin, dan melindungi alam sekitar." - Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Feb 2017*

Pemuliharaan alam sekitar dapat dicapai menerusi program pembangunan kapasiti iaitu penyampaian pengetahuan dan kemahiran yang tepat, serta sikap yang betul terhadap alam sekitar. Justeru itu, Penang Green Council (PGC) akan menganjurkan Bengkel Kejurulatihan (**Pendidikan Alam Sekitar**) kali ke-2 dalam tahun ini.

Bengkel ini bertujuan untuk melatih sekumpulan bakal pendidik alam sekitar yang berpontensi untuk mengajar demi masa depan yang lebih mampan. Penyertaan bengkel ini tidak memerlukan pemahaman profesional mengenai topik-topik alam sekitar. Malah, yang pentingnya mereka berazam untuk membawa perubahan di kalangan masyarakat setempat, sekolah dan komuniti dari segi kesedaran alam sekitar.

Para peserta yang berjaya menghadiri bengkel ini dijangka dapat memahami 4 topik asas alam sekitar (perubahan iklim, air, sisa dan tenaga). Bengkel ini juga akan merangkumi modul mengenai kecekapan pelatih di mana para peserta dilatih untuk menyampaikan kandungan latihan mereka dengan impak yang tinggi.

Bengkel tersebut dijadualkan pada 25 & 26 November 2017 di Institut Pulau Pinang. Pendaftaran dibuka kepada orang ramai (18 tahun ke atas) yang berminat dan bersemangat dalam pendidikan alam sekitar. Yuran pendaftaran ialah RM250 termasuk manual latihan dan makanan.



PARA peserta dan wakil-wakil penganjur menunjukkan sijil penyertaan yang diterima.



AKTIVITI luar yang memerlukan para peserta menangkap bioindikator.

Kadar promosi khas disediakan untuk mereka yang membuat pendaftaran awal (sebelum/ pada 19 Oktober), secara berkumpulan atau golongan pelajar.

**Sila hubungi *Penang Green Council* untuk maklumat lanjut:**
**Tel: 04-2503321 / 3322**
**E-mel: info@pgc.com.my**
**(Cik Hoo / Cik Wong Fen Fen).**



BENGKEL menunjukkan hasil ketuhar solar DIY para peserta.

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# PSFF rekod 240,000 pengunjung



KETUA Menteri, Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan beberapa sajian menarik.



PARA pengunjung yang membanjiri PSFF.



HIDANGAN mee udang istimewa.



PERSEMBAHAN bunga api menyerikan lagi penganjuran.



SEBAHAGIAN persembahan perasmian yang dipersembahkan.

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**LUAR JANGKAAN...** Festival Makanan Jalanan Pulau Pinang atau *Penang Street Food Festival* (PSFF) yang berlangsung pada 1 dan 2 September lalu mendapat sambutan luar jangkaan apabila kira-kira 240,000 pengunjung membanjiri tapak penganjurannya di Lebuh Pantai.

Jumlah tersebut sekaligus melepasi rekod 120,000 pengunjung yang dicatatkan pada penganjuran Festival Makanan Jalanan dan Pesta Makanan Antarabangsa Pulau Pinang pada 15 April 2017.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, dengan variasi makanan Pulau Pinang yang sangat terkenal, penganjuran tersebut diharap mampu meletakkan nama negeri ini di peta dunia.

"PSFF merupakan jenama baharu bagi produk pelancongan Pulau Pinang yang mendapat sambutan cukup hebat.

"Pulau Pinang sememangnya terkenal dengan dua perkara, iaitu makanan jalanan yang sedap dan masyhur serta kepelbagaian seni dan budaya yang terdapat di sekitar kawasan George Town.

"Rasa unik pada setiap hidangan ini akan menjadikannya kenangan dan rasa rindu untuk anda (pengunjung) kembali ke Pulau Pinang!" katanya ketika merasmikan upacara perasmian penganjuran berkaitan baru-baru ini.

Penganjuran edisi kedua tersebut menampilkan 112 gerai yang menawarkan pelbagai menu makanan Melayu, India, Cina, Peranakan, Hainan dan Arab.

Antara juadah menarik ialah daging harimau menangis; mee udang yang didatangkan khas dari Pulau Aman dan Batu Ferringhi; laksa; char kuetiau, pasembur dan pelbagai lagi.



# Jalan Berkembar Bukit Kukus - Paya Terubong capai 30 peratus siap

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PAYA TERUBONG –** Projek Jalan Berkembar Bukit Kukus - Paya Terubong menghubungkan Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul yang bernilai RM545 juta kini telah lebih 30 peratus siap.

Laluan sepanjang 8.1 kilometer (km) tersebut dibahagikan kepada tiga konsesi iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), syarikat Geo Valley Sdn. Bhd. Development dan syarikat PLB Land Sdn. Bhd. Development.

Menurut Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Muhammad Bakhtiar Wan Chik, untuk segmen MBPP, ianya telah siap sebanyak 52.4 peratus.

"Jika mengikut jadual (bagi MBPP), sepatutnya kemajuan projek sekarang adalah 50.92 peratus, namun MBPP mendahului jadual sebanyak enam hari bersamaan 52.4 peratus.

"Projek ini juga akan menghubungkan persimpangan Jalan Tun Sardon (ke Balik Pulau) dan Jalan Paya Terubong dengan jalan bertingkat yang dinamakan Tun Sardon Link.

"Malah, ia (projek ini) turut direka menggunakan tiang setinggi 50 meter (m) bagi mengurangkan impak alam sekitar," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Difahamkan, ketinggian tiang bagi projek berkaitan merupakan antara kelima tertinggi dalam negara, dan tertinggi di Pulau Pinang.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis bagi MBPP, Timbalan Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, Ir. A. Rajendran dan Jurutera bagi Jurutera Perunding GEA (Malaysia) Sdn. Bhd., Amir Saiful Haris Abdullah.

Jelas Saiful Haris, projek yang dimulakan pada Januari 2016 itu dijangka siap sepenuhnya menjelang Januari 2019.



**MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (kiri sekali), Ir. A. Rajendran (tiga dari kiri) dan barisan Ahli-ahli Majlis MBPP ketika mengadakan lawatan ke tapak Projek Jalan Berkembar Bukit Kukus - Paya Terubong menghubungkan Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul di sini baru-baru ini.**

# Aktiviti mendaki bantu bina keyakinan diri




**PARA pendaki bergambar kenangan di puncak Gunung Baling anjuran Pasukan Sukan Lasak MBPP di sini baru-baru ini.**

Gambar : **KELAB SUKAN LASAK MBPP**

**GEORGE TOWN –** Memilih aktiviti yang mendekatkan diri dengan alam sekitar, Konvenor Pasukan Sukan Lasak MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang), Shalehudin Hashim, 55, mengakui bahawa inisiatif tersebut membantu ahli pasukannya membina keyakinan diri.

Mahu mencari suasana berbeza berbanding tugasan harian sebagai penjawat awam, Shalehudin berkata, aktiviti kecergasan tersebut adalah seiring dengan polisi hijau dan sihat yang dilaungkan Kerajaan Negeri.

"Aktiviti seperti ini bukan sahaja dapat menerapkan sikap dan pembudayaan hijau dalam kalangan peserta pendakian, malah turut diterjemahkan melalui tema pendakian iaitu *Go Green*.

"Sepanjang pendakian, kami akan memastikan tiada sampah plastik atau sisa makanan dan minuman ditinggalkan," katanya dalam kenyataan kepada Buletin Mutiara di sini baru -baru ini.

Penganjuran kali kedua tersebut mendapat sambutan memberangsangkan daripada pelbagai peringkat jabatan dan kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan, yang mana seramai 55 pendaki mengambil bahagian.

Difahamkan pendakian Gunung Baling pada 9 September lalu mengambil masa lebih dua jam untuk sampai ke puncak disebabkan faktor cuaca, namun menurut Shalehudin perkara tersebut tidak melunturkan semangat mereka.

"Peserta dengan kecekalan hati dan semangat waja yang tinggi dapat meneruskan pendakian hingga ke puncak.

"Selagi ada kemahuan untuk berusaha di situ ada kejayaan yang menunggu, cuma cepat dan lambat sahaja.

"Alhamdulillah, semua peserta berjaya sampai ke puncak walaupun agak lambat, tetapi kami bergerak sebagai satu pasukan yang saling membantu antara satu sama lain," jelas beliau.



# Mesin pembayaran automatik 24 jam, Pusat Bayaran Setempat siap dinaik taraf

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DANNY OOI ENG KEAT**

**GEORGE TOWN** – Sebuah mesin pembayaran automatik 24 jam ditempatkan di kiosk pembayaran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dekat Jalan Padang Kota di sini demi memudahkan pelanggan membuat pembayaran pelbagai bil di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan MBPP, Joseph Ng Soon Siang berkata, pemasangan mesin tersebut berserta kerja-kerja penarafan kaunter pembayaran berpusat yang menelan belanja kira-kira RM85,000 itu siap pada Ogos lepas.

"Kini, orang ramai boleh menyelesaikan pelbagai kompaun dan bil MBPP di empat kaunter itu.

"Selain itu, terdapat kiosk 24 jam yang terletak di sebelah kaunter bayaran untuk kemudahan awam," jelasnya dalam sidang media di sini 8 September lalu.

Hadir sama, dua Ahli Majlis MBPP lain, Grace Teoh Koon Gee dan Edward Tan Chiew Choon.

Soon Siang memberitahu, kiosk MBPP di sini mula dibuka sejak Ogos 2010.

Menurutnya, rata-rata pelanggan memberikan maklum balas positif mengenai kedudukan strategik kiosk tersebut.

Justeru, katanya, MBPP pada masa hadapan bercadang menambah dua lagi mesin pembayaran automatik di kisok tersebut, memandangkan jumlah trafik pembayaran bil di sini adalah begitu tinggi.

"Kami akan memasang dua lagi kiosk yang sama tidak lama lagi," jelas Soon Siang.




RUPA bentuk Pusat Bayaran Setempat MBPP baharu di Padang Kota Lama di sini.



JOSEPH Ng Soon Siang (kanan sekali) dan Edward Tan Chiew Choon menunjukkan mesin pembayaran automatik 24 jam yang terletak di sebelah kaunter bayaran untuk kemudahan awam.







# MP gesa BNM pantau operasi syarikat pelaburan mirip skim cepat kaya

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Bank Negara Malaysia (BNM) digesa agar lebih memantau operasi syarikat-syarikat pelaburan mirip skim cepat kaya.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong berkata demikian dalam sidang media bersama-sama tiga mangsa skim cepat kaya yang enggan dikenali.

"Bank Negara sepatutnya lebih memantau operasi syarikat-syarikat pelaburan ini.

"Tanda tanya saya adalah, adakah syarikat-syarikat yang dalam pemantauan ini sekadar menerima amaran, masih beroperasi secara rasmi ataupun telah diharamkan," soalnya di sini baru-baru ini.

Chee Keong dalam pada itu turut menggesa polis supaya segera menyiasat, mamandangkan pengadu telahpun membuat aduan polis mengenai syarikat pelaburan yang dianggap menipu mereka.

"Polis mesti mengambil tindakan segera, tidak kiralah di Seberang Perai atau di bahagian pulau, laporan itu dibuat," jelasnya.

Sebelum itu, salah seorang pengadu menjelaskan mengenai modus operandi firma pelaburan terbabit membabitkan individu bergelar 'Datuk', menggunakan pelbagai nama komersial untuk meyakinkan orang awam.

Mangsa turut mengadu bahawa dalang syarikat pelaburan terbabit seakan masih tidak disiasat, walaupun aduan berwajib telahpun dibuat kepada pihak polis sebelum ini.

Dalam salinan aduan polis yang dibekalkan kepada pemberita, didedah, sebanyak RM703,000 duit telahpun diberikan kepada dua individu dalam tempoh 2014 hingga awal tahun 2015.

Namun, mangsa hanya diberikan pelbagai alasan ketika mahu menuntut balik semua wang pelaburan daripada kedua-dua individu terbabit.




**MANGSA (kiri) bersama-sama Steven Sim Chee Keong mendedahkan beberapa maklumat mengenai operasi sebuah syarikat pelaburan mirip skim cepat kaya pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Greenville 绿苑
BALIK PULAU • PENANG
THE GATEWAY TO LIVING PLEASURE

BUMIPUTRA
SIJIL LAYAK MENDUDUKI
5% DISKAUN

KEKAL



RUMAH SEMI-D



RUMAH BANGLO



2 TINGKAT RUMAH SEMI-D
Luas Tanah Ke ±3631 k.p. | Luas Binaan ±3587 k.p.

2 TINGKAT RUMAH BANGLO
Luas Tanah Ke ± 7225 k.p. | Luas Binaan ± 4324 k.p.

wsh
Developer :
WENG SOON HENG PROPERTY DEVELOPMENT SDN . BHD.
(2146-V)
20 (2nd FLR) MEDAN ANGSANA 4, BANDAR BARU 11500 AYER ITAM, PENANG, MALAYSIA. T : +604 827 6236 F : +604 827 9236
Email : wshproperty@gmail.com
www.wshproperty.com

- 2 Tingkat Rumah SemiD - 4 bilik, 2 Tingkat Rumah Banglo - 6 bilik
- Pagar Batu
- Luas Tanah 3,631 k.p. ke 10,000 k.p.
- Luas Binaan 3,587 k.p. ke 4,000 k.p.
- Harga Jualan dari RM387 k.p.
- Taman Permainan
- Motor Pintu Auto Disediakan
- Sepenuh Bawah Tanah Telekom, Lampu Tepi Jalan Dan Wayar TNB
- 5-10 minit (berdekatan) untuk Pelbagai Kemudahan & Perkhidmatan Awam Seperti Sekolah Antarabangsa, Sekolah, Bank, Pejabat PBA, Pejabat Post, Stesen Minyak, Balai Bomba, Hospital, Kedai Mudah Dan Pasaran
- CCC Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan 2017




04-827 6236 | 012-475 9336 | 012-473 3535

Pegangan Tanah : Kekal • Pelan Bangunan Diluluskan : Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Tanah Bebanan : Tiada • Bangunan Pelan No. : MPPP/OSC/PB(6409)/14(LB)-SRT10(41) • Tarik Jangka Saip : OC Obtained • 2 Tingkat Rumah Semi-D (42 unit) : Min : RM1,513,000 Max : RM1,893,000 • 2 Tingkat Rumah Banglo (7 unit) : Min : RM2,380,000 Max : RM2,797,000 Maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada perubahan tanpa pemberitahuan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa berkenaan atau arkitek pemaju dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua ilustrasi dan gambar adalah gambaran artis sahaja.

# Bekas pemain sepak takraw negeri terharu terima sumbangan



MD. Salleh Osman dan isterinya, Rodhiah Mohamed ketika menerima kunjungan Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) dekat kediaman mereka di sini baru-baru ini. Kelihatan di dalam almari, pingat dan piala dimenangi beliau suatu ketika dahulu ketika masih aktif bersukan.

Teks & Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PRIHATIN...** Selepas hampir enam bulan mengalami kesukaran untuk berdiri dan berjalan, Md. Salleh Osman, 65, dari Bayan Baru terharu apabila menerima sumbangan kerusi roda baru-baru ini.

Bapa kepada lima anak tersebut amat bersyukur kerana sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon tersebut seolah memberikan sinar baharu dalam kehidupannya.

Md. Salleh yang merupakan bekas Pembantu Makmal di Universiti Sains Malaysia (USM) didiagnosis mengidap *Paralysis Agitans* atau lebih dikenali sebagai Parkinson. Ekoran itu, beliau kini hilang upaya sepenuhnya untuk berjalan.

Mohd. Rashid ketika ditemui berkata, sebagai ADUN kawasan, adalah menjadi tanggungjawabnya untuk membantu meringankan beban masyarakat setempat.

"Diharap dengan sumbangan ini, dapat membantu beliau (Md. Salleh) untuk bergerak," ujarnya yang juga merupakan Timbalan Ketua Menteri I pada majlis sumbangan berkaitan.

Difahamkan, Md. Salleh sekitar tahun 70-an merupakan bekas pemain sepak takraw Pulau Pinang dan pengadil bola sepak bagi Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP).

# MBPP, JKR diminta segera tangani aduan penduduk, seru ADUN

**PANTAI JEREJAK –** Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dimohon mengambil tindakan pantas terhadap isu-isu yang dibangkitkan penduduk sekitar Sungai Nibong Pantai.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, pihaknya akan menghubungi jabatan-jabatan Kerajaan Negeri berkenaan bagi memastikan isu-isu tersebut ditangani dengan kadar segera.

"Saya akan pastikan pihak JKR segera membaiki sistem perparitan yang rosak di kawasan ini supaya saliran air dapat bergerak dengan lebih lancar dan seterusnya mengelak daripada berlakunya banjir kilat.

"Kita juga bimbang struktur perparitan JKR yang rosak ini mampu mengancam keselamatan orang ramai yang lalu-lalang di sini," katanya pada Program Dialog Bersama-sama Komuniti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Nibong Pantai di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis bagi MBPP, Gan Ay Ling dan Shahrudin Mohamed Shariff.

Serentak itu, Mohd. Rashid memberitahu, pihaknya juga akan meminta MBPP melakukan kerja-kerja pemangkasan pokok berdahan tinggi.

"Penduduk mengadu dahan pokok kerap kali jatuh dan boleh membahayakan orang ramai... tambahan pula sekarang cuaca agak tidak menentu.

"Jadi dengan turut sertanya Ahli-ahli Majlis pada sesi dialog hari ini, diharap perkara ini diambil tindakan secepat mungkin," ujarnya yang juga Timbalan Ketua Menteri I.

Tambah Mohd. Rashid, sesi dialog berkenaan adalah platform buat dirinya untuk mengetahui isu yang dihadapi penduduk secara terus.

"Sesi-sesi dialog sebelum ini juga dilihat sebagai pemudah cara dalam menyelesaikan isu berkaitan komuniti.

"Saya akan teruskan sesi dialog ini di kawasan-kawasan lain juga dalam masa terdekat untuk mengetahui permasalahan komuniti di peringkat akar umbi," jelas beliau.

# Larian Sungai Penanti terima penyertaan luar jangkaan



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Larian Sungai Penanti 2017 di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PRIHATIN...** Larian Sungai Penanti 2017 yang julung kali diadakan mendapat sambutan memberangsangkan apabila menerima penyertaan kira-kira 1,200 peserta dari dalam dan luar negeri.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Dr. Norlela Ariffin berkata, penganjuran tersebut merupakan acara larian tepian sungai yang pertama di Pulau Pinang.

"Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif bagi membantu pembangunan pelancongan sungai dan desa khususnya di kawasan Penanti.

"Terbukti... apabila dalam tempoh seminggu sahaja pendaftaran atas talian dibuka, ia menerima penyertaan di luar jangkaan.

"Selain itu, inisiatif ini juga diharap dapat menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini khususnya kawasan Penanti," katanya ketika ditemui pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir memeriahkan penganjuran, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Zulkifli Long dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP), Ir. Sabri Abdul Mulok.

Mengulas lanjut, Norlela menyatakan bahawa acara larian sungai tersebut adalah melibatkan dua kategori iaitu masing-masing 10 kilometer (km) dan 5 km.

"Program ini bukanlah sekadar larian biasa, sebaliknya para peserta perlu melalui kawasan perkampungan dan terus selain menyusuri Sungai Penanti.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahukan masyarakat yang menjaga kebersihan sungai dan menyayanginya selari dengan slogan larian ini iaitu *Save Our Kampung, Save Our River,"* jelas beliau.

# Kita semua adalah anak-anak Malaysia



ISTERI kepada Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng tunduk hormat menyambut ketibaan Toh Puan Majimor Shariff pada majlis sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang.




KETUA Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa (berbaju batik) menunjukkan piala dimenangi pasukannya dalam perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-60 Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.



SALAH seorang peserta acara berjalan Anak-Anak Malaysia Penang 2017 tidak melepaskan peluang *berwefie* dengan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.



WARNA-warni persembahan kanak-kanak menceriakan penganjuran.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Anak-Anak Malaysia Penang 2017.





KARYA-karya yang dipamerkan pada penganjuran *Unity & Diversity Art Exhibition.*